

HADHANAH DALAM ISLAM: SATU KAJIAN BERDASARKAN  
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI  
PAHANG 2005

SALHAMA BINTI ABDUL

JABATAN SYARIAH

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

HADHANAH DALAM ISLAM: SATU KAJIAN BERDASARKAN  
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI  
PAHANG 2005

SALHAMA BINTI ABDUL

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT DIANUGERAHKAN  
DIPLOMA

JABATAN SYARIAH

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

NOVEMBER 2016

## **PENGAKUAN**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : .....

Nama : Salhama Binti Abdul

No. K/P : 910426-12-5648

No. Matrik : PID 13338

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta keluarga dan juga para sahabat Baginda sekalian. Syukur Alhamdulillah kerana memberikan saya kesihatan yang cukup, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Muhammad Fakaruddin binti Muhammad Ishak kerana banyak membantu, memberi sokongan, teguran, nasihat yang amat berguna sepanjang saya kajian ini dijalankan. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau kerana akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga, jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Jabatan Syariah serta tidak lupa juga kepada semua pensyarah di setiap jabatan di atas ilmu yang dicurahkan kepada saya. Semoga dengan ilmu yang dicurahkan dan restu mereka itu mendapat ganjaran dan balasan daripada Allah SWT yang Maha Pemurah.

## **ABSTRAK**

Hadhanah adalah sesuatu yang banyak disyariatkan dalam sumber hadis dan ijmak. Kajian ini berkaitan dengan hadhanah dalam Islam iaitu satu kajian berdasarkan enakmen undang-undang keluarga Islam pahang 2005. Tujuan kajian ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat berkaitan Hadhanah dalam konsep Islam serta perlaksanaan pada masa sekarang melalui peruntukan enakmen undang-undang keluarga Islam berkaitan Hadhanah, selain itu, selain itu, tujuan kajian ini adalah membincangkan lagi berkaitan hadhanah secara terperinci serta menjelaskan berkaitan hak-hak anak-anak dalam hadhanah selepas perceraian ibu bapa mereka.

## **SENERAI SINGKATAN**

Hal : Halaman

Ibid : *Ibiden* (rujukan pada tempat yang sama)

S.W.T: *Subhanahu Wa' Taala*

S.A.W : *Salla Allahu Wa sallam*

r.a : *Radiya Allah'Anh*

Hj : Haji

No : Nombor

Sdn. Bhd : Sendirian Berhad

Op.cit : *opera citato* (rujukan yang sama sama seperti sebelumnya)

J : Jilid

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGAKUAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	iv
<b>ISI KANDUNGAN</b>	v
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Permasalahan Kajian	2-3
1.2 Matlamat Kajian	3-4
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Limitasi Kajian	4
1.5 Definisi Kajian	5-6
1.6 Metodologi Kajian	6-7
1.7 Ulasan Kepustakaan	8-9
<b>BAB 2 KONSEP HADHANAH DALAM ISLAM</b>	<b>10</b>
2.1 Pendahuluan	10
2.2 Pensyariatan Hadhanah	11
2.2.1 Pensyariatan Menurut Al-Quran	11-12
2.2.2 Pensyariatan Menurut Al-Sunnah	13

2.2.3. Pensyariatan Menurut Ijmak	14
2.3 Definisi Hadhanah	15
2.3.1. Definisi Hadhanah Menurut Ahli Bahasa	15
2.3.2. Definisi Hadhanah Menurut Istilah Fekah	16
2.4 Definisi Hadinah	17
2.5 Hukum Hadhanah	17-18
2.6. Hak Hadhanah	18
2.6.1 Hak Ibu Atau Penjaga	18-19
2.6.2 Hak Anak	20-21
2.6.3 Hak Ayah	21
2.7 Syarat Kelayakan Hadhanah	22
2.7.1. Beragama Islam	23
2.7.2 Baligh Dan Berakal	23
2.7.3 Berupaya Dan Mampu Mengurus	23
2.7.4 Amanah	24
2.7.5 Sihat Dan Bebas Daripada Penyakit Berjangkit	24
2.7.6 Tidak Berkahwin	25-26
2.7.7 Mempunyai Pertalian Saudara (Mahram)	27
2.7.8 Berkhidmat Secara Sukarela	27
2.7.9 Boleh Menyusukan Anak Yang Menyusu	27-28
2.8 Susunan Penjaga Mengikut Pandangan Manzab Syafie	28
2.8.1 Pendapat Mahzab Hanafi	28

2.8.2. Pendapat Mahzab Maliki	29
2.8.3 Pendapat Mahzab Safie'	29-30
2.8.4 Mahzab Hanbali	30
2.9 Kaedah Menetukan Penjaga	30-32
2.10 Tahap Umur Kanak-Kanak	32
2.10.1 Kanak-Kanak Di Bawah Umur <i>Mumayyiz</i>	32
2.10.2 Kanak-Kanak Mumayyiz	33
2.10.3 Umur Baliqh Dan Matang	34
2.12. Tempoh Penjagaan Hadhanah	34-36
2.13 Upah Mengendalikan Hadhanah	36-37
2.14 Tempat Hadhanah	37

**BAB 3 PROSEDUR TUNTUTAN HADHANAH DI MAHKAMAH TINGGI  
DAN PERUNTUKAN HADHANAH MENURUT UNDANG  
UNDANG KELUARGA ISLAM PAHANG 2005.**

3.1 PENDAHULUAN	38
3.2 PROSEDUR TUNTUTAN HADHANAH DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH.	39
3.2.1 Berlaku Perceraian	39
3.2.2 Pendaftaran	39
3.2.3 Sulh	40

3.2.4 Pelantikan Peguam	40
3.2.5 Failkan Kes	41
3.2.6 Sebutan Kes	42
3.2.7 Perbicaraan mahkamah	42
3.2.8 Penghakiman dan perintah	43
3.2.8. i) alasan kehakiman	43
3.2.9 Statistik Hadhanah Di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan Pahang Tahun 2011 dan 2016	44
3.3 Peruntukan - Peruntukan Penjagaan Kanak-Kanak Dalam Enakmen Undang- Undang Keluarga Islam Pahang 2005	45
3.3.1. Seksyen 82 Orang Yang Berhak Menjaga Kanak-Kanak	46-47
3.3.2. Seksyen 83 Kelayakan Yang Perlu Untuk Penjagaan	47- 48
3.3.3. Seksyen 84 Bagaimana Hak Penjagaan Hilang	48
3.3.4. Seksyen 85 Lamanya Penjagaan	49
3.3.5. Seksyen 86 Penjagaan Anak-Anak Tidak Sah Taraf	49
3.3.6. Seksyen 87 Kuasa Mahkamah Membuat Perintah Mengenai Penjagaan	49-50
3.3.7 Seksyen 88 Perintah Tertakluk Kepada Syarat-Syarat	50

**BAB 4 : HAK ANAK DALAM HADHANAH SELEPAS BERLAKUNYA  
PEMBUBARAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM DAN ENAKMEN UNDANG-  
UNDANG KELUARGA ISLAM PAHANG.**

<b>4.1 PENDAHULUAN</b>	<b>52</b>
4.2 Hak Anak Dalam Hadhanah Selepas Berlakunya Pembubaran Perkahwinan Dalam Islam Dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang.	53
4.2.1. Hak Membuat Pilihan	53-54
4.2.2. Hak Mendapat Lawatan	54- 56
4.2.3. Hak Mendapat Kasih Sayang	56
4.2.4. Hak Mendapat Pendidikan	57-58
1) Hak Membina Akhlak Dan Pendidikan Tidak Formal	57-58
2) Pendidikan Formal	58
4.2.5. Hak Untuk Mendapat Nafkah	58
1) Orang Yang Memberi Nafkah	59
2) Kadar Nafkah	60
3) Syarat Memberi Nafkah	60-61
4) Nafkah Atau Keperluan	61
1. Pemakanan	61
a. Penyusuan	62
I. Tugas Penyusuan Hak Ibu	62
II. Masa Pemberian Penyusuan	63

2. Tempat Tinggal	63
3. Pakaian	63
4. Rawatan Kesihatan Dan Kebersihan	64
<b>4.2.5 Hak Memiliki Harta</b>	<b>65</b>
1. Hak Mendapat Harta Perwarisan Dan <i>Faraidh</i>	65-66
2. Hak Mendapat Wasiat	67
3. Hak Mendapat Hibah	67-68
4. Hak Mendapat Wali	68

<b>BAB 5 PENUTUP</b>	<b>69</b>
5.1 Penutup	69
5.2 Rumusan Terhadap Kajian	70
5.3 Saranan Dan Cadangan	71
5.3.1 Saranan Kepada Pengkaji Akan Datang Berkaitan Hadhanah	72
5.3.2 Saranan Kepada Ibu Bapa	73

<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>74</b>
--------------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	
-----------------	--

## **BAB 1:**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Islam menggalakkan ummahnya mendirikan rumah tangga bagi yang berkemampuan sebagai memenuhi kehendak naluri kemanusian dan agar dapat melahirkan keturunan yang soleh.<sup>1</sup> Demikianlah ditegaskan oleh Allah bahawa di antara tujuan mendirikan rumah tangga ialah untuk mendapatkan zuriat dan sebagai memenuhi naluri manusia agar hidup dengan tenang dan berkasih sayang serta bertimbang rasa.<sup>2</sup> Oleh itu, pasangan yang bercerai akan memberi kesan kepada kehidupan anak-anak mereka. Hal ini kerana, selepas berlaku perceraian, mereka akan mendapatkan hak penjagaan anak atau tuntutan *Hadhanah*.<sup>3</sup> Terdapat pasangan yang masing-masing mahu mendapatkan penjagaan anak-anak mereka. oleh sebab itu, plantif boleh membuat tuntutan *hadhanah* di Mahkamah Tinggi Syariah anak

---

<sup>1</sup> Ahmad Ibrahim Et Al, 1998, *Undang-Undang Keluarga Islam Dan Pentadbiran Harta Wakaf Al-Ahkam Jilid 6*, Selangor: Dewan Bahasa Dan Pusta, Hal 92.

<sup>2</sup> Ibid Hal 94 Dan Sebagai Contoh Sila Rujuk Surah Al-Isra 17:6.

<sup>3</sup> Bila Berlaku Perceraian Akan Timbul Pula Masalah Mengenai Pemeliharaan Anak. Haji Said Haji Ibrahim (Bekas Mufti Negeri Sabah), 2001, *400 Soal Jawab Nikah Kahwin*, Selangor: Darul Ma'rifah, Hal 175.

merupakan kebanggaan dan Amanah Allah.<sup>4</sup> Hadhanah dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam adalah berdasarkan syariat Islam.

### **1.1 PERMASALAH KAJIAN.**

Saya menulis kajian ini, kerana ramai di antara mereka pasangan suami isteri yang jahil dan kurang faham akan hak *hadhanah*. Sesetengah pasangan bergaduh dan berdendam sehingga menyebabkan anak menjadi mangsa keadaan. Kes membawa lari anak tanpa izin dan sebagainya sering berlaku pada pasangan yang bercerai dan tidak berpuas hati sesama sendiri. Hal ini menimbulkan kemarahan dan tidak boleh menerima keputusan pihak Mahkamah. Maka berlaku lah rampas merampas, membawa lari anak dan sebagainya. Seharusnya sebelum bercerai lagi mereka tahu akan kesan yang akan mereka hadapi Seperti kebijakan anak, hak penjagaan anak dan sebagainya. Bukan itu sahaja, hak penjagaan anak seringkali berpihak kepada ibu kerana dalam Islam ibu adalah orang yang paling layak mendapat hak *hadhanah* sebelum mereka bercerai. Yang menjadi permasalahannya di sini, sesetengah bekas suami, selepas bercerai mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang ayah kepada anak. Ramai diantara mereka yang menganggap bahawa tanggungjawab memberikan nafkah dan segala keperluan itu adalah tanggungjawab bekas isteri kerana mereka yang menjaga anak-anak tersebut, Selain itu juga saya menekankan berkaitan pengetahuan tentang hak *hadhanah* dalam Islam seperti syarat kelayakan, hak *hadhanah*, siapa yang lebih berkelayakan serta yang berkaitan tentang *hadhanah*.

Dalam Islam, menentukan hak penjagaan dengan adil bukan berat sebelah, hal ini kerana bagi menjamin kehidupan anak tersebut agar tidak jauh terpesong dari segi agama dan tidak terabai segala kebijikannya. Oleh sebab itu, objektif saya salah satunya adalah memberi pemahaman bahawa dalam hak penjagaan anak selepas perceraian hak anak-anak perlu

---

<sup>4</sup> Islam Mengajar Umatnya Agar Menerima Kelahiran Anak Sebagai Rahmat Dari Allah dan Kurniaan Yang Menguntungkan. Lihat, Ahmad Ibrahim Et Al, 1998, *Undang-Undang Keluarga Dan Pentadbiran Harta Wakaf*, Al-Ahkam Jilid: 6, Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Hal 94.

ditunaikan sebagai satu tanggungjawab seorang ayah dan ibu walaupun sudah tidak bersama. hak anak-anak yang perlu ditunaikan seperti mana yang Islam terapkan. Hal ini kerana, sesetengah daripada pasangan yang bercerai yang tidak memberikan hak-hak anak seperti mana yang digariskan dalam Islam. sebagai contoh, pendidikan agama Pencerayaan seharusnya tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak. Oleh sebab itu, penentuan hak penjagaan anak-anak amat penting agar kehidupan anak-anak terjamin serta menjadi insan yang cemerlang bukan sahaja di dunia tapi juga di akhirat. Sekiranya, anak-anak diberikan kepada orang yang tidak melayakkan bagi syarat yang ditetapkan dalam Islam, sebagai contoh ibu yang murtad mendapat hak penjagaan anak, maka ada ulama berselisih pendapat bahawa sekiranya ibu tersebut tidak membawa pengaruh agamanya kepada anak tersebut, atau ibu tersebut kafir zimmi atau ahli kitab. Namun pendapat ulama lain berbeza iaitu orang yang murtad tidak layak mendapat hak penjagaan anak kerana bimbang akan kehidupan anak-anak tersebut membesar tiada pendidikan agama atau tidak didedahkan dengan ajaran Islam tapi didedahkan dengan ajaran agama yang lain. Dan akan menyebabkan anak tersebut rosak akhidahnya. Lalu yang manakah pendapat yang paling benar-benar diterima.

Oleh itu, dengan wujudnya hadhanah, ia dapat menyediakan satu sistematik yang dapat menjamin pemeliharaan anak-anak agar mereka dapat menikmati kehidupan seperti kanak-kanak yang lain yang sebaya dengan mereka walaupun telah berlaku perceraian di antara kedua ibu-bapa mereka.<sup>5</sup> maka dengan itu, prosedur tuntutan *hadhanah* dapat diketahui dengan lebih jelas agar hak hadhinah dapat dipertahankan dengan adil dan saksama. Serta dapat menjelaskan hak-hak anak yang sering diabaikan dan seharusnya ditunaikan hak tersebut.

---

<sup>5</sup> Ibid. Hal 38

## **1.2 MATLAMAT KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji berkaitan hadhanah, hak-hak anak-anak dalam *hadhanah* dan Prosedur Tuntutan Hadhanah Di Mahkamah Tinggi. Matlamat kajian ini iaitu menjelaskan dan memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan *hadhanah* seperti yang telah disyariatkan dalam Islam dan pelaksanaan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam kuantan pahang serta berkaitan hak-hak anak-anak yang seharusnya ibu dan ayah laksanakan walaupun sudah berlaku perceraian agar hak anak-anak tetap terjamin seperti kehidupan anak-anak yang lain.

## **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 3.1 Untuk membincangkan hak penjagaan anak dalam Islam dan enakmen Undang-Undang Keluarga Islam kuantan pahang.
- 3.2 Untuk mengkaji prosedur tuntutan *hadhanah* dalam Enakmen Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Di Negeri Pahang.
- 3.3 Untuk menjelaskan hak-hak bagi anak-anak kandung dalam hadhanah selepas berlaku Perceraian dalam Islam dan menurut undang-undang keluarga Islam.

## **1.4 LIMITASI KAJIAN**

Kajian dilaksanakan di Mahkamah Tinggi syariah Kuantan. Tumpuan kajian adalah hak anak-anak dalam *hadhanah* menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dan prosedur tuntutan *hadhanah* di mahkamah tinggi.

## **1.5 DEFINISI ISTILAH**

### **Pengertian *Hadhanah*.**

Perkataan *hadhanah* dari segi hukum syarak bermaksud melakukan pemeliharaan anak-anak yang masih kecil, laki-laki atau perempuan ataupun yang sudah besar tetapi belum *Mumaiyyiz* atau *Tamyiz*, tanpa perintah daripadanya; menyediakan sesuatu yang menjadi kebaikannya; menjaga dari sesuatu yang menyakiti dan merosakkan; mendidik jasmani, rohani dan akalnya agar mampu berdiri sendiri menghadapi tanggungjawab. *Hadhanah* atas kanak-kanak kecil tamat selepas anak mencapai *Tamyiz*.<sup>6</sup>

### **Pengertian *Mumaiyyiz***

Seseorang yang mempunyai sifat *tamyiz*.<sup>7</sup> Mumayyiz iaitu umur seseorang kanak-kanak genap tujuh tahun kerana umur tersebut terdapat pada dirinya sifat *tamyiz*.<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup> Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah, 2002, *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd. Hal 37.

<sup>7</sup> Ibid. Hal 99

<sup>8</sup> Ibid Hal 164

### **Pengertian *Tamyiz***

*Tamyiz* berasal dari perkataan arab, dari kata kerja “*Mayyaza, Yumaiyyizu*” yang bererti mengutamakan sesuatu daripada yang lain, atau mengasingkan sesuatu daripada lain. Ia juga bererti keupayaan untuk membezakan sesuatu.

Menurut pengertian *Fiqh* pula, ia bererti keupayaan memahami percakapan, mengenali sesuatu, menunaikan keperluan peribadi persendirian tanpa pertolongan orang lain, dan mampu membezakan di antara kebaikan dan keburukan.<sup>9</sup>

### **Pengertian *hadhinah***

Orang yang berhak memelihara anak-anak selepas perceraian berlaku. Ibu adalah diberikan keutamaan bahkan diwajibkan oleh hukum syara'.<sup>10</sup>

## **1.6 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi adalah elemen yang amat penting dalam melaksanakan kajian penyelidikan. Berdasarkan objektif kajian, penggunaan metode amat penting dalam penyelidikan kajian bagi menghasilkan kajian yang lebih jelas dan berkualiti. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja berbentuk kepustakaan akan tetapi berbentuk lapangan. Oleh yang demikian, penulis telah menggunakan beberapa metode yang berkaitan dengan tajuk kajian ini seperti;

- a) Metode pengumpulan data, penulis telah menggunakan metode dokumentasi. Metode dokumentasi adalah satu pengambilan data dengan meneliti dokumen yang ada hubungan

---

<sup>9</sup> Ibid, Hal 164

<sup>10</sup> Ibid, Hal 41

dengan masalah yang dikaji. Data yang digunakan adalah daripada data sumber primer dan sumber sekunder.

- i. Data primer iaitu data yang di ambil secara langsung oleh penyelidik.
- ii. Data sekunder iaitu data yang dikutip oleh penyelidik sama ada yang diterbitkan atau tidak;
  - Penulisan ilmiah, buku, rujukan kes, laporan dan sebagainya.

### 1) Kajian Perpustakaan

Dalam metodologi, penulis telah mencari maklumat menerusi rujukan ilmiah berkaitan dengan hadhanah dari sudut syarak dan undang-undang keluarga Islam sperti buku-buku agama, jurnal, tesis, kertas kerja, artikel serta bahan lain yang sesuai dijadikan rujukan. Bahan-bahan yang diperolehi oleh penulis daripada perpustakaan Kolej Universiti Pahang Sultan Ahmad Shah.

### 2) Kajian lapangan.

#### I. Metode pengumpulan data

Selain daripada kajian kepustakaan, penulis juga menggunakan metode ini bagi mengumpulkan data dan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian serta objektif kajian. Penulis telah mendapatkan maklumat di mahkamah rendah? tinggi syariah kuantan pahang. Iaitu tentang prosedur tuntutan *hadhanah*, statistik kes hadhanah bagi tahun 2014- 2016. Selain itu, Selain itu juga peruntukan undang-undang bagi kelayakan dan syarat bagi hadhanah dan lain-lain yang berkaitan.

#### II. Metode temubual

Selain menggunakan kajian kepustakaan, penulis juga memperolehi data secara langsung iaitu melalui metode temubual dengan membuat pertemuan dan pertanyaan secara langsung kepada peguam *syari'e* yang pernah mengendalikan kes hadhanah iaitu Ustazah Hasiah Binti Mat salleh yang juga merupakan Pensyarah di Kolej Universiti Sultan Ahmad Shah, cik Muhammad syazwan bin abdul karim yang merupakan Pegawai Penyelidik Mahkamah Tinggi, bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

## 1.7 ULASAN KEPUSTAKAAN

Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, (2002). Hikmah disyariatkan *hadhonah* untuk menyusun tanggungjawab berkaitan penjagaan dan pendidikan kanak-kanak yang masih kecil. Ini kerana, boleh jadi suami isteri berpisah, atau hidup tanpa perselisihan atau berada dalam kesempitan untuk mendidik anak kecil mereka. Jika perkara ini dibiarkan berterusan dan tidak ada perkembangan positif yang berlaku, malah lebih meruncing, ia sudah tentu akan menganiaya kanak-kanak yang masih kecil. Boleh jadi apa yang berlaku menjadi penyebab kecelakaan dan kehancuran masa depan anak-anak. Oleh itu perlu wujud peraturan menyeluruh yang menetukan pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga dan mendidik anak-anak kecil. Penentuan tersebut hendaklah dilakukan berdasarkan *prioriti* agar kebajikan anak-anak tidak terjejas sekiranya berlaku perpecahan atau perselisihan di antara para penjaga.<sup>11</sup>

---

<sup>11</sup> Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho Dan Ali Asy-Syarbaji, 2002, *Kitab Fikah Mahzab Syafie Menghuraikan Bab Undang-Undang Kekeluargan*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd. Hal 753.

Dr Hj Mat Saat Abd.Rahman, (2006). *Hadhanah* menjadi hak si kecil kerana masih memerlukan seseorang yang menjaga dan menguruskan halnya serta mendidiknya. Hanya ibunya sahaja yang mampu melayani keperluan anaknya dengan wataknya sebagai seorang ibu. Lantaran itu ia menjadi hak dan tanggungjawab ibunya sendiri Kerana bapanya tidak mampu melakukan tugas itu dengan sempurna sekalipun dia telah berkahwin dengan perempuan lain. Seseorang ibu tiri tidak mungkin akan melakukan untuk si kecil sama seperti yang dilakukan ibunya sendiri. Berdasarkan kedudukan ini Islam telah menetapkan hak *hadhanah* itu kepada ibunya.<sup>12</sup>

Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho Dan Ali Asy-Syarbaji (2009), Jika hakim atau qadi meragui syarat-syarat yang ada pada penjaga kanak-kanak itu, dan dia bertindak mencari kepastian, apabila dipastikan penjaga itu tidak memenuhi salah satu daripada syarat penjagaan, dia hendaklah menggugurkan hak penjagaan penjaga itu.<sup>13</sup>

---

<sup>12</sup> Hj Mat Saat Abd.Rahman, 2006, *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Selangor: Imtiyaz Multimedia And Publications, Hal 122.

<sup>13</sup> Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho Dan Ali Asy-Syarbaji, 2009, *Kitab Fikah Mahzab Syafie: Menghuraikan Bab: Undang-Undang Kekeluargaan* Jilid: 4, Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn. Bhd. Hal 897.

## **BAB 2**

### **KONSEP *HADHANAH* DALAM ISLAM**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Di Malaysia, penggunaan perkataan ini sudah mahsyur dan diketahui umum di kalangan masyarakat Islam, menurut Kamus Dewan, DBP Edisi Ketiga (1996) mendefinisikan *hadhanah* sebagai memelihara (menjaga, mendidik) dan mengatur segala urusan anak yang belum *mumayyiz* selepas berlakunya perceraian suami dan isteri.

*Hadhanah* disyariatkan di dalam Islam untuk menjaga kemaslahatan anak-anak yang masih kecil, yang memerlukan perlindungan dan penjagaan yang sewajarnya terutama apabila berlaku perpisahan di antara kedua ibu-bapa mereka. dengan wujudnya *hadhanah*, ia menyediakan satu sistem sistematik yang dapat menjamin pemeliharaan anak-anak agar mereka dapat menikmati kehidupan seperti kanak-kanak yang lain yang sebaya dengan mereka walaupun telah berlaku perceraian di antara ibu bapa.<sup>14</sup> Oleh yang demikian, penulis telah menyentuh konsep *hadhanah* dalam Islam. Seperti yang telah ditetapkan di dalam sumber Islam iaitu Al-quraan, hadis serta Ijmak berkaitan *hadhanah*.

---

<sup>14</sup> Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah, 2002, *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*, Zebra Editions Sdn.Bhd; Kuala Lumpur, Hal 37.

## **2.2 PENSYARIATAN HADHANAH**

### **2.2.1 Pensyariatan menurut Al-Quran**

a. Firman Allah s.w.t:

والولدت يرضعن أولدهن حولين من أراد أن يتم آلرضاعة وعلى آملولود له رزقهن وكسوتهن  
بالمعرف لا تكلف نفس إلا وسعها لاتضار وألدة بولدها ولا مولود له، بولده وعلى  
آلوارث مثل ذلك فإن أرادا فصالا عن تراضهما وتشاور أن تسترضعوا أولدكم فلا جناح  
عليكم إذا سلمتم ما عاتيتم بالمعرف. واتقوا الله واعلموا أن الله بما تعملون بصير .

*Ertinya:*

*“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa telah tiada)…”*

(Al-baqarah: ayat 223)

a. Firman Allah s.w.t:

وَأَخْفُضْ لِهِمَا جناحَ الْأَذْلَلِ مِنْ آلِرْحَمَةٍ وَقُلْ رَبُّ آرْحَمَهُمَا كَمَا رَبِيَانِي صَغِيرًا.

*Ertinya, “Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu dan doakanlah (untuk mereka dengan berkata): “wahai tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan, kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.”*

b. Firman Allah s.w.t:

إِذْتَمَشَى أَجْتَنَكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدْلَكُمْ عَلَىٰ مَنْ يَكْفُلُهُ، فَرْجُنَكَ إِلَىٰ أَمْكَ كَيْ تَقْرَ عَيْنَهَا  
وَلَا تَحْزُنْ.

*Ertinya, “Tatkala saudara perempuanmu pergi mencarimu lalu berkata kepada orang-orang memungutmu: ‘mahukah aku tunjukkan kamu kepada orang yang boleh memeliharanya?’ maka dengan jalan itu kami mengembalikanmu kepada ibumu supaya tenang tenteram hatinya dan supaya dia tidak berdukacita kerana bercerai denganmu.....*

(Surah taha: ayat 40)<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup> Ayat ini menceritakan kesah Nabi Musa a.s setelah dijumpai oleh keluarga Firaun ketika dia masih bayi. Beliau tidak mahu menyusu dengan sesiapa pun menyebabkan keluarga ini bimbang akan keadaannya. Rancangan Allah sungguh teratur. Allah s.w.t telah mencampakkan kasih sayangnya kepada nabi Musa a.s supaya dia disukai oleh sesiapa sahaja yang melihatnya. Akhirnya saudara perempuan telah menyamar untuk menunjukkan siapa yang dapat menjaga anak ini (Nabi musa a.s) dan menyusukannya. Tepat sekali janji Allah. Akhirnya beliau dikembalikan ke pangkuhan ibunya sehingga tamat tempoh penyuapan. Beliau dikembalikan supaya hati ibunya senang hati dan tidak bersedih dengan perpisahan itu. Mulhlishah Bt. ‘Abdullah Al-Qari, 2005, *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, Hal 10.

## 2.2.2 Pensyariatan menurut Al-Sunnah

### a. Riwayat Abdullah bin umar

ان امرأة قالت: يا رسول الله إن ابني هذا كان بطني له وعاء وثديي له سقاء  
وحجري له حواء وإن أباه طلقني وأراد أن ينتز عه مني فقال لها رسول الله صل  
الله عليه وسلم: أنت أحق به به ما لم تنكح<sup>16</sup>.

*Ertinya “sumber daripada Abdullah bin Umar r.a bahawa seorang perempuan berkata kepada rasulullah s.a.w.: ‘wahai Rasulullah! Anakku ini perutkulah yang mengandungkannya, susukulah yang memberi minuman kepadanya dan pangkuhan inilah yang memangkunya. Sesungguhnya bapanya telah menceraikan aku dan ingin mengambilnya daripadaku.’ Lalu Rasulullah s.a.w berkata kepadanya: ‘Engkau lebih berhak ke atas selagi engkau tidak berkahwin.’”<sup>17</sup>*

### b. Riwayat abu hurairah r.a

نَ أَبِي هُرَيْرَةَ: أَنَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُ غَلَامٍ بَيْنَ أَبِيهِ وَأُمِّهِ.

وَكَالٌ: يَا غَلَامٌ هَذَا أَبُوكَ وَهَذِهِ أُمُّكَ إِخْتَرْ.<sup>18</sup>

*Ertinya, “sumber daripada abu hurairah r.a. bahawa nabi s.a.w telah memberi pilihan kepada seorang kanak-kanak lelaki untuk memilih bapa atau ibunya. Baginda bersabda: ‘wahai budak! Ini bapamu dan ini ibumu, pilihlah.*

<sup>16</sup> Ahmad Bin Hanbal (1972), Musnad Imam, J.9.Mesir: Dar Al-Ma’rif, H.177-178, Lihat Juga Salih Bin ‘Abdul ‘Aziz (A999), Mausu’ah Al-Hadith Al-Kutub Al-Sittah. Saudi: Dar Al-Salam,H.1391

<sup>17</sup> Ibid, Hal 11.

<sup>18</sup> A’bdullah Bin Muhammad Bin Abi Syaibah (1989), Al-Musannaf, Beirut: Dar Al-Fikr.

### 2.2.3 Sumber Menurut Ijma<sup>19</sup>

عن عكرمه قال: خاصم عمر أم عاصم في عاصم إلى أبني بكر فقضى لها به مالم أو يكبر أو يتزوج فيحثا رلنفسه قال: هي أعطف وألطاف والتلف وأرق وأرض وأرحم.

عن سعيد بن المسيب أن عمر بن الخطاب طلق أم ثم أتاهما عليها وفي حجرها عاصم  
فأراد أن يأخذها منها فتجاذباه بينهما حتى بكى الغلام فانطلقا إلى أبي بكر فقال له ابر  
بكر: يا عمر مسحها وحجرها خير له منك حتى يشب الصبي فيختار.<sup>20</sup>

*"Dari pada 'ikrimah dan sa'id bin al-musayyab bahawa umar bin al-khatib r.a telah menceritakan isterinya ummu aasim. Kemudian, mereka berdua bertengkar untuk merebut Aasim, lalu kedua-duanya pergi berjumpa Abu Bakar r.a. seterusnya, Abu Bakar r.a. menyelesaikan perkara ini dengan memberikan hak hadhanah kepada Ummu Aasim atas sebab sifat lemah lembut, belas kasihan dan sentuhan kasih sayangnya adalah lebih baik daripada Umar r.a. penjagaan ini berterusan sehingga anak itu besar atau berkahwin. Setelah itu dia boleh memilih penjaganya<sup>21</sup>*

<sup>19</sup> Ibid, Hal 12.

<sup>20</sup> Abdullah Bin Muhammad Bin Syaibah (1989), Al-Musannaf, Beirut:Dar Al-Fikr.H 162

<sup>21</sup> Ibid, Hal 13

## 2.3 DEFINISI HADHANAH

### 2.3.1 Definisi Hadhanah Menurut Ahli Bahasa.

Asal perkataan ini adalah daripada kata kerja:

حَضْنٌ يَحْضُنُ حَضْنًا وَحْضَانَةً

Hadanah adalah kata terbitannya. Perkataan ini boleh dibaca dalam dua bentuk bacaan. Bacaan secara fathah (baris atas) ‘hadhanah’ adalah lebih masyur berbanding bacaan secara kasrah (baris bawah) ‘hidanah’.

Pengertian ini mengandungi lebih daripada empat pengertian di antaranya:

- a. **حَضْنٌ - Hadhinah bermaksud** Mendakap, memeluk atau meletakkannya di pangkuan.
- b. **حَضْنُ الرِّجْلِ الصَّبِيِّ -** Bermaksud lelaki itu menjaga dan mendidik anak kecil
- c. **حَضْنُ الطَّائِرِ الْبَيْضِ -** Bermaksud burung itu meletakkan telur di bawah senyap dan mengeramnya sehingga menetas.
- d. **مَاوِنُ الْإِبْطِ إِلَى الْكَشْح -** Dada atau rusuk (bahagian antara ketiak dan pinggang).
- e. **الْحَضْنَانَةُ -** Tarbiah asuhan, didikan, penjagaan, memeluk dan mengumpul.<sup>22</sup>

---

<sup>22</sup> Mulhishah Bt. ‘Abdullah Al-Qari, 2005, *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers Ibid, Hal 3

### **2.3.2 Definisi *hadhanah* Menurut Istilah Fekah**

Menurut Al-jurjani al-hanafi mendefinisikan hadanah sebagai tarbiah dan didikan tanpa memberi huraian siapa yang perlu mendidik dan dididik. Menurut Al-hatab pula hadanah didefinisikan sebagai penjagaan kanak-kanak dari segi menyediakan tempat tinggal keperluan makanan dan pakaian menjaga tidurnya serta membersihkan dirinya sekalipun dia telah lama mencapai umur matang (baligh). Al- Maqdisi al-Hanbali bersetuju dengan penakrifan Al-Hatab bahawa hadanah biasanya bermaksud penjagaan kanak-kanak dengan menguruskan dirinya dan menyediakan khidmat seumpamanya.

Al-Mawardi mengklifikasikan proses penjagaan anak kepada empat tahap iaitu *rada'ah*, *hadanah*, *kafilah* dan *kifayah*. *Rada'ah* adalah tempoh penyusuan bagi anak berumur kurang daripada 2 tahun. Hadanah adalah tempoh penjagaan bagi anak yang berusia kurang daripada 7 tahun dan belum *mumayyiz*. *Kafilah* merujuk kepada tempoh di mana anak berusia 7 tahun ke atas dalam keadaan belum *mumayyiz* sehingga dia mencapai umur baligh dan setelah anak baligh di dikira bebas atau luar tanggungan iaitu tempoh *kifayah*. Bagi al-mawardi merangkumi keseluruhan maksud *hadhanah*.<sup>23</sup>

---

<sup>23</sup> Ibid al 3-5

## **2.4 DEFINISI PENJAGA (*HADINAH*)**

*Hadhinah*<sup>24</sup> iaitu orang yang berhak memelihara anak-anak selepas perceraian berlaku. Ibu adalah diberikan keutamaan bahkan diwajibkan oleh hukum syarak untuk memberi hadhanah kepada anaknya, sama ada anak lelaki atau perempuan.<sup>25</sup>

## **2.5 HUKUM HADHANAH**

Hukum pemeliharaan anak dan penjagaan anak adalah wajib di sisi syarak.<sup>26</sup> Menurut Ibn Rusyd berpendapat bahawa pemeliharaan dan penjagaan anak menjadi wajib apabila adanya penjaga yang layak dan sanggup memikul tanggungjawab ini. Sebaliknya, ia dikira fardhu kifayah sekiranya ada orang yang sanggup melaksanakannya. Kesanggupan seorang penjaga dikira sudah memadai dan terlepaslah bebanan orang lain daripada melakukannya.

---

<sup>24</sup> Penjaga' bagi maksud menjaga anak dalam penggunaan harian merujuk kepada orang yang menjaga selain daripada ibu atau bapa. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penggunaan ketika mengisi borang-borang rasmi bagi menyatakan hak ke atas diri yang berkenaan. Penjaga dalam masalah hadhanah merujuk kepada ibu atau orang yang layak mengambil tempat ibu dalam tugas mendidik anak selepas penceraian ibu bapa sehingga tempoh yang tertentu. Anak yang masih kecil iaitu yang berumur kurang daripada 7 tahun (dalam tempoh hadhanah) tidak berupaya melakukan kerja sendiri. Makan mesti disuap atau sekurang-kurangnya menyediakan makanan yang berhidang. Minuman mesti dibancuh dan kebersihan diri mesti diawasi dan diselia. Penjagaan menjadi wajib sehinggalah mereka boleh mengurus diri sendiri. Muhlishah Bt. 'Abdullah Al-Qari, 2005, *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, Hal 6.

<sup>25</sup> Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah, 2002, *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*, Zebra Editions Sdn.Bhd: Kuala Lumpur, Hal 41.

<sup>26</sup> Muhlishah Bt. 'Abdullah Al-Qari, 2005, *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, Hal 13.

<sup>27</sup>Sekiranya salah satunya mengabaikan kewajiban hadanah maka hak hadanah akan gugur<sup>28</sup> dan berpindah kepada orang yang lebih layak dan mengikut susunan orang yang berhak.

Menjaga anak menjadi wajib dan boleh dipaksa apabila tidak ada orang lain yang sanggup menjaga anak tersebut. Penulis bersandarkan kepada kaedah fiqhiyyah iaitu:<sup>29</sup>

الضرر يدفع بقدر الامكان

(Kemudaratatan dielakkan setakat yang boleh)

## 2.6. HAK HADANAH

### 2.6.1 Hak ibu atau penjaga

Para ulama seperti Abu Bakar r.a, Al-Wazir, Syaikh Islam, Ibnu Abbas telah berpendapat hak hadanah adalah hak ibu.<sup>30</sup> Pandangan pertama berhubung dengan soal ini menyebut bawa hadanah adalah hak ibu atau penjaga. Oleh itu, ibu tidak boleh dipaksa supaya menjaga anak diqiaskan dengan hukum penyusuan iaitu penyusuan boleh diteruskan oleh ibu atau mengupah wanita lain. Secara tidak langsung, anak itu mendapat haknya setelah wujudnya penjaga sebagai ganti kepada ibu. Jika tidak ada penjaga yang sanggup menjaga, maka tanggungjawab hadanah adalah menjadi wajib ke atas ibu.<sup>31</sup>

---

<sup>27</sup> Abdullah Bin Abdurrahman Al-Bassan, 2007, *Syarak Bulughul Maram*, Jakarta: Pustaka Azzam. Hal 79.

<sup>28</sup> Abdullah Bin Abdurrahman Al-Bassan, 2007, *Syarak Bulughul Maram* Jilid: 6, Jakarta: Pustaka Azzam. Hal 79.

<sup>29</sup> Mulhishah Bt.'abdullah Al-Qari, (2005), hak penjagaan anak menurut al-quraan dan as-sunnah, Kuala Lumpur: al-hidayah publishers.hal 15

<sup>30</sup> Abdullah Bin Abdurrahman Al-Bassan, 2007, *Syarak Bulughul Maram* Jilid: 6, Jakarta: Pustaka Azzam. Hal 65.

<sup>31</sup> Malahan lagi, hanya ibu sahaja yang mampu melayani keperluan anaknya dengan wataknya sebagai seorang ibu. Lantaran itu ia menjadi hak dan tanggungjawab ibunya sendirinya kerana bapanya tidak mampu melakukan

Didalam sebuah hadis, Rasulullah S.AW, telah menetapkan hak hadanah seorang kanak-kanak kepada ibunya selepas diceraikan suaminya selama dia belum berkahwin dengan lelaki lain. Tanggungjawab itu akan berterusan sehingga anak kecilnya mencapai umur *mumayyiz*, iaitu tujuh tahun.<sup>32</sup>

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin ‘Amru berkata:

ان امرأة قالت: يا رسول الله إن ابني هذا كان بطني له وعاء وثديي له سقاء وحجرى  
له حواء وإن أباه طلقنى وأراد أن ينتز عه مني فقال لها رسول الله صلى الله عليه  
وسلم: أنت أحق به ما لم تنكحى.

*Maksudnya: Rasulullah S.A.W ditemui oleh seorang wanita dan berkata: “wahai Rasulullah! Sesungguhnya akulah yang mengandungkan anakku ini, susukulah yang menjadi minumannya, dan akulah penjaganya. Bapanya telah menceritakan aku dan sekarang dia ingin mengambil anakku”. Rasulullah SAW bersabda; “kamu lebih berhak daripadanya selagi kamu tidak berkahwin lain”.*<sup>33</sup>

(HR Ahmad, Abu Daud: 2276)

---

tugas itu dengan sempurna sekalipun dia telah berkahwin dengan perempuan lain. Lagipun seorang ibu tiri tidak mungkin akan melakukan untuk sikecil sama seperti ibunya. Mulhlishah Bt. ‘Abdullah Al-Qari, 2005, *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, Hal 14.

<sup>32</sup> Dr Hj Mat Saat Abd.Rahman (2011), *Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Selangor: Imtiyaz Multimedia And Publications, Hal 122

<sup>33</sup> Ahmad (2/182), Abu Daud (2276) dan Al-hakim (2/207)

## 2.6.2 Hak Anak

Apabila anak sudah mencapai usia *tamyiz*. Anak boleh memilih antara ibu dan ayahnya. Siapa yang dipilih oleh si anak, maka ia yang berhak menjalankan tanggungjawab sebagai pengasuh.<sup>34</sup> Riwayat abu hurairah r.a

بن أبي هريرة: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُ غَلَامٍ بَيْنَ أُبْيَهُ وَأُمِّهِ. وَكَالْ يَاغَلَامٍ  
هذا أبوك وهذه أمك إختر.

*Ertinya, “sumber daripada abu hurairah r.a. bahawa nabi s.a.w telah memberi pilihan kepada seorang kanak-kanak lelaki untuk memilih bapa atau ibunya. Baginda bersabda: ‘wahai budak! Ini bapamu dan ini ibumu, pilihlah.’”*

Menurut imam Ahmad yang juga menyokong pemilihan anak lelaki yang *mumayyiz* bagi hak *hadhanah*. Jumhur ulama di kalangan imam Malik Abu Hanifah Imam Ahmad dan lain-lainnya berkata, tidak ada nas dan qias yang sahih mengenai anak perempuan yang diberi hak untuk membuat pemilihan hadinah. Antara sebab-sebab mereka tidak diberi pilihan adalah.<sup>35</sup>

- i. Pemilihan ibu atau bapa akan megurangkan rasa belas kasihan dan tanggungjawab mereka.masing-masing akan menjaganya sambil lewa sahaja dan merasa ada orang lain yang turut bertanggungjawab ke atas anak itu.

---

<sup>34</sup> Abdullah Bin Abdurrahman Al-Bassan, 2007, *Syarak Bulughul Maram*, Jakarta: Pustaka Azzam. Hal 71.

<sup>35</sup>Penghakiman ini dilakukan oleh khalifah Umar r.a, khalifah Ali r.a. dan Qadhi Syuraih. Sahabat bersepakat menerima hukum ini dengan memihak kepada penjaga yang dapat memberi kebaikan kepada kehidupan anak. Penilaian hendaklah dibuat oleh hakim. Hakim membuat keputusan hendaklah menimbang dengan teliti dan cermat tentang kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak pada masa depan. Pilihan kanak-kanak tidak diterima secara total bahkan kepentingan kanak-kanak diambil kira sejarar dengan pemikiran mereka yang belum matang. Seorang kanak-kanak pasti akan memilih penjaga dengan mengikut kesukaannya. Mulhlishah Bt Abdullah Al-Qari, 2005, *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan As-Sunnah*, Al-Hidayah Publishers, Hal 46.

- ii. Anak perempuan berbeza dengan anak lelaki. Seagaimana yang diceritakan di dalam firman Allah surah Ali Imran ayat 36.
- iii. Anak perempuan dijaga oleh bapa diqiaskan kepada pentingnya bermusafir dengan mahram atau suami untuk menunaikan haji.

### **2.6. 3 Hak Ayah**

Hak hadhanah juga adalah hak ayah, sekiranya kanak-kanak tersebut memilih ayah sedangkan kanak-kanak tersebut lebih rapat dengan ibunya, maka ayahnya perlu menjalankan tanggungjawab untuk mengasuh anak tersebut. Akan tetapi sekiranya kanak-kanak tersebut memilih ibunya, sedangkan ayahnya adalah yang terbaik maka hak penjagaan akan diserahkan kepada ayah tanpa menghiraukan pilihan anak.<sup>36</sup> Hal ini dapat dilihat berdasarkan dalil, Firman Allah s.w.t:

يَا يَهَا أَلَذِينَ عَامَنُوا قَوْا أَنفُسَكُو وَأَهْلِيكُمْ نَارًا.

Ertinya, “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka...”<sup>37</sup>

(At-Tahrim: ayat 6)

---

<sup>36</sup> Mulhlishah Bt.’Abdullah Al-Qari, (2005), *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers. Hal 43-44.

<sup>37</sup> Jelas menunjukkan ayat Al-quraan membayangkan pada kita betapa pentingnya peranan ketua keluarga dalam membentuk orang-orang di bawah amanahnya kearah kebaikan di dunia seterusnya mendapat kebaikan di akhirat dan terlepas daripada azab neraka. Hal ini kerana anak merupakan amanah Allah s.w.t, sekiranya amanah tersebut diabaikan maka akan dipersoalkan kelak di akhirat.

## **2.7 SYARAT – SYARAT KELAYAKAN HADHANAH**

Syarat kelayakan hadhanah dipenuhi oleh orang-orang yang berhak mendapat hak penjagaan anak-anak seperti berikut;

### **2.7.1 Beragama Islam**

Tidak sah bagi orang yang bukan Islam adalah mendapat hak penjagaan anak begitu juga bagi mereka yang murtad.<sup>38</sup> Ulama mahzab hanbali dan mahzab syafi'e berpendapat penjaga bukan Islam tidak boleh berkuatkuasa ke atas orang Islam kerana dikhuatiri boleh memberi fitnah kepada Islam<sup>39</sup> serta boleh mendatang kesesatan terhadap anak yang bakal dijaga tersebut.

Menurut pendapat mahzab maliki dan hanbali yang membolehkan penjagaan anak berpihak pada ibu kafir zimmi. Kasih sayang tidak berbeza dengan sebab berbeza agama. Akan tetapi penjagaan hendaklah diawasi dan bergantung kepada dua perkara iaitu:<sup>40</sup>

- i. Anak yang terpelihara masih belum mengerti dan mencapai had kematangan iaitu usia dalam 7 tahun.
- ii. Penjagaannya tidak membawa kepada unsur-unsur yang boleh mengugat akidah anak dibawah jagaannya. Ibu tidak menunjukkan usaha-usaha untuk mengejar agamanya.

---

<sup>38</sup> Mat Salleh Saat Abd.Rahman, 2011, *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Imtiyaz Multimedia and Publications: Selangor, Hal 124.

<sup>39</sup> Mulhlishah Bt. 'abdullah Al-Qari, (2005), hak penjagaan anak menurut al-quraan dan as-sunnah, Kuala Lumpur: al-hidayah publishers.hal hal 31

<sup>40</sup> Ibid, 32

## **2.7.2 Baligh Dan Berakal**

Seseorang yang dipertanggungjawabkan memelihara anak-anak mestilah baligh kerana kanak-kanak tidak mampu menguruskan dirinya untuk menjaga anak kecil. Imam Syafi'e menetapkan batasan umur baligh iaitu 15 tahun. Manakala Imam Hanafi berpendapat agak berbeza sedikit, di mana dia menetapkan umur baligh bagi perempuan ialah 17 tahun manakala lelaki pula ialah 18 tahun.<sup>41</sup> Tidak harus bagi ibu atau bapa yang gila memelihara anak-anaknya, sama ada gilanya berterusan atau kadang kala (sekali sekala)<sup>42</sup> dan mestilah Kaedah fiqh yang digunakan adalah:

الضرر يزال

*“Bahaya mesti dihapuskan”<sup>43</sup>*

## **2.7.3 Berupaya Dan Mampu Mengurus**

Mampu dan boleh dipercayai dalam menjalankan tugas penjagaan dan pendidikan dengan sempurna.<sup>44</sup> Kesempurnaan penjaga dari segi fizikal dan mental amat penting. Dapat difahami juga kecacatan atau kekurangan yang ada pada diri penjaga tetapi tidak menjelaskan kemampuannya untuk menjaga dan mengasuh anak adalah dimaafkan. Sebagai contoh, penjaga yang cacat penglihatan dibantu oleh orang laintetapi urusan menjaga dan mengasuh anak dilakukan olehnya sendiri.<sup>45</sup>

---

<sup>41</sup> Mulhlishah Bt.'Abdullah Al-Qari, (2005), *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.Hal 15.

<sup>42</sup> Mat Salleh Saat Abd.Rahman, 2011, *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Imtiyaz Multimedia And Publications: Selangor, Hal 124

<sup>43</sup> Ustaz Abd .Latif Muda & Dr Rosmawati Ali (2000), *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd. Hal 174.

<sup>44</sup> Mat Salleh Saat Abd.Rahman, 2011, *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Imtiyaz Multimedia And Publications: Selangor, Hal 124

<sup>45</sup> Ibid, Hal 19.

#### **2.7.4 Amanah**

Amanah yang dimaksudkan di sini adalah beramanah di dalam perkara agama. Seorang penjaga akan dipilih hendaklah beramanah iaitu tidak fasik. Orang yang fasik dan meninggalkan solat tidak berhak untuk menjaga menurut mahzab syafi'e. kerana bimbang anak yang akan dijaga tidak mendapat keuntungan daripada penjagaannya disebabkan cara hidup yang dibawa.

Sifat amanah memadai dengan menentukan ciri-ciri kebaikan dirinya yang Nampak secara zahir seperti mana penetapan saksi nikah. Kefasikasi penjaga tidak menjelaskan haknya sekiranya dia tidak mengabaikan anak di bawah penjagaannya. Pengukur kepada tahap fasik yang membenarkan hak hadiahnya ditarik balik adalah dua perkara iaitu:<sup>46</sup>

- I. Fasik yang membawa kepada pengabaian anak yang dijaganya.
- II. Fasik yang boleh merosakkan akidah.

#### **2.7.5 Sihat Dan Bebas Daripada Penyakit Berjangkit.**

Kesihatan penjaga hendaklah diambil kira supaya tugas menjaga anak berjalan dengan baik. Dia dikira sihat apabila dirinya bebas daripada penyakit berbahaya seperti kusta, Aids, dan sebagainya. Sekiranya penyakit yang dihadapi adalah ringan atau serangannya secara tiba-tiba dan boleh yang hilang atau pulih semula ini tidak menjelaskan hak hadanahnnya.<sup>47</sup>

---

<sup>46</sup> Mulhishah Bt.'Abdullah Al-Qari, (2005), Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers. Hal 20

<sup>47</sup> Ibid, Hal 21

## 2.7.6 Tidak Berkahwin

Ulama iaitu Imam Malik, Abu Hanifah dan Imam Syafi'ie telah bersepakat bahawa perkahwinan semula ibu dengan seorang ajnabi iaitu tidak mempunyai pertalian dengan anak yang dijaga dan dia tidak mempunyai hak menjaga anak selepas itu. Selepas penceraian menggugurkan haknya sebagai penjaga sebaliknya perkahwinannya dengan lelaki yang sama-sama mempunyai hak hadanah terhadap anak itu tidak menjelaskan hak tersebut. Sebagai contoh, berpisah dengan suaminya dengan sebab talak atau kematian dia berkahwin pula dengan abang kepada bekas suaminya.<sup>48</sup> Hadith ini menjadi pegangan kepada al-Hasan al-Basri. Sekiranya seseorang yang sudah berkahwin tidak boleh diberikan hak hadanah sudah tentu Rasulullah s.a.w. menyerahkan anak itu kepada orang lain.<sup>49</sup>

Menurut Riwayat, Saidina Abu Bakar:

الأم أحق بولدها مالم تتزوج.

*Ertinya, “dan ia lebih berhak kepada anaknya selama ia belum berkahwin.”*

Hadith ini juga merupakan dalil yang jelas bahawa ibu lebih berhak ke atas anak selagi dia tidak berkahwin.<sup>50</sup>

Pembatalan hak penjagaan tersebut disebabkan oleh kemungkinan;

- i. Ibu yang berkahwin akan sibuk melayan suaminya terutama perkahwinan baru memerlukan masa untuk saling mengenali dan mewujudkan keserasian. Keberangkalian untuk menunaikan tugas mendidik dan mengasuh anak-anak adalah besar.

---

<sup>48</sup> Mulhishah Bt.'Abdullah Al-Qari, (2005), Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers. Hal 23

<sup>49</sup> Ibid, Hal 24.

<sup>50</sup> Ibid, Hal 23

- ii. Suami baru ibunya adalah orang yang tiada kaitan nasab atau keturunan akan mengurangkan hak-haknya sebagai seorang anak. Antara kemungkinan yang akan berlaku, ialah apabila bapa barunya itu kurang memberi perhatian kepada dirinya tidak bersikap adil dan kasih sayang berbelah bagi.

Walaubagaimanapun, bagi ibu yang berkahwin lain akan kehilangan hak *hadhanah* sekiranya suami tersebut tidak bersetuju anak tersebut tinggal bersama ibunya. Bagi, ibu yang berkahwin hak hadanah gugur disebabkan perkahwinan dan pengecualian tersebut untuk mendapatkan hak hadanah telah gugur kemudian dia bercerai.<sup>51</sup> Hak hadanah tidak gugur dengan berlakunya perkahwinan hanyalah sebagai penghalang kepada pemilikan hak.

Pengecualian perkahwinan penjaga dikecualikan dan hak hadariah diteruskan jika:

- i. Dia adalah orang yang berhak menerima wasiat.
- ii. Anak tersebut masih menyusu dan tidak menyusu kecuali dengannya.
- iii. Anak tersebut masih menyusu dan boleh menyusu dengan orang lain tetapi perempuan yang akan diupah menyusu mensyaratkan agar anak itu tinggal bersamanya.
- iv. Orang yang bertanggungjawab mengasuh selepasnya tidak amanah.
- v. Orang yang bertanggungjawab mengasuh selepasnya lemah, tidak mampu mengurus atau mempunyai keuzuran lain.
- vi. Anak tidak mempunyai kerabat yang akan menjaganya sama ada di kalangan lelaki mahu pun perempuan.<sup>52</sup>

---

<sup>51</sup> Mulhishah Bt.'Abdullah Al-Qari, (2005), *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan As-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.Hal Hal

<sup>52</sup> Ibid,26-27

### **2.7.7 Mempunyai Pertalian Persaudaraan (Mahram)**

Mahram adalah orang yang diharamkan oleh Hukum Syara' dari berkahwin dengannya. Pengharaman ini terbukti terbahagi kepada dua, iaitu pengharaman semantara dan juga pengharaman selama-lamanya. Pengharaman untuk selama-lamanya boleh berlaku disebabkan oleh hubungan kerabat, pernikahan, dan susuan.<sup>53</sup>

Hubungan kerabat dikalangan penjaga perempuan adalah terdiri daripada kalangan ibu kandung, nenek, ibu saudara, Oleh itu, penjaga hendaklah dilantik daripada kalangan ahli keluarga atau hubungan kerabat yang terdekat seperti ibu, nenek dan ibu saudara. Hikmahnya dapat dilihat apabila penjagaan memerlukan perasaan kasih sayang penjaga terhadap anak di mana hubungan antara mereka sudah sedia terjalin.<sup>54</sup>

### **2.7.8 Berkhidmat Secara Sukarela**

Penjaga hendaklah menerima tanggungjawab menjaga dan mengasuh anak secara sukarela, tanpa meminta upah dengan mengutamakan keikhlasan dan memberi khidmat tersebut kerana Allah.<sup>55</sup>

### **2.7.9 Boleh Menyusu Jika Anak Masih Menyusu**

Kesepakatan ulama ini terhadap hukum tidak boleh menyusu dengan sebab tidak air susu ibu adalah berhak terhadap hak hadanah tidak boleh dipertikai. Hukum ini berbeza kerana

---

<sup>53</sup> Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah (2002), *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn Bhd, Hal 87

<sup>54</sup> Mulhlishah Bt.'abdullah Al-Qari, (2005), hak penjagaan anak menurut al-quraan dan as-sunnah, Kuala Lumpur: al-hidayah publishers.hal hal 27.

<sup>55</sup> Ibid, Hal 28

ketidaupayaan ibu berpunca daripada sebab keadaan fizikal bukan kerana keengganan dirinya untuk menyusukan anak.<sup>56</sup>

## **2.8 SUSUNAN PENJAGA MENGIKUT KEUTAMAAN MENGIKUT PANDANGAN MAHZAB.**

Kelayakan dalam menentukan hak hadanah adalah mengikut keutamaan<sup>57</sup>. Setelah diteliti susunan bagi pihak-pihak yang mempunyai kelayakan dalam hak hadanah terdapat sedikit perbezaan mengikut pandangan mahzab.<sup>58</sup>

### **2.8.1 Pendapat mahzab hanafi<sup>59</sup>**

Ibu , Nenek sebelah ibu , Nenek sebelah bapa, Saudara perempuan kandung , Saudara perempuan seibu, Saudara perempuan seapa, Emak saudara sebelah bapa, Anak perempuan bagi saudara perempuan, Anak perempuan bagi saudara lelaki, Datuk sebelah bapa, Zawu al-arham

---

<sup>56</sup>Hukum ini dilihat telah disesuaikan dengan keadaan semasa apabila terdapat susu fomula daripada susu lembu yang cukup mudah didapati di pasaran. Susu ini boleh digantikan dengan susu ibu sebagai pemakanan asas bagi bayi Ibid, Hal 29

<sup>57</sup> Mulhlishah Bt.'Abdullah Al-Qari, (2005), *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.Hal 44.

<sup>58</sup> Berdasarkan peringkat susunan dalam setiap keutamaan penjaga pada setiap pandangan mahzab, maka jelas sekali ibu adalah penjaga utama yang lebih berhak untuk mendapat hak penjagaan anak, namun begitu, ibu boleh hilang kelayakan untuk mendapat hak penjagaan anak sama ada tidak menepati syarat kelayakan yang telah ditetapkan atau ibu kanak-kanak tersebut tiada disebabkan meninggal dunia dan sebagainya. Maka dengan itu, hak hadanah tersebut akan berkuatkuasa mengikut susunan yang telah ditetapkan oleh ulama dan penentuan pihak yang lebih layak akan ditentukan oleh hakim. Ulama mahzab juga berpandukan hadith Rasulullah s.a.w yang mengutamakan hak hadanah kepada ibu. Ibid 44

<sup>59</sup> Ibid, Hal 36

## **2.8.2 Mahzab maliki<sup>60</sup>**

Ibu, Nenek sebelah ibu hingga peringkat atasnya. Emak saudara ibu sebelah ibunya, Nenek sebelah bapa hingga peringkat atasnya, Bapa, Saudara perempuan, Saudara perempuan bapa, Anak perempuan bagi saudara perempuan dan lelaki, Wasi, Zawu al-arham (saudara lelaki dan anaknya, bapa saudara sebelah bapa dan anaknya), Tuan (maula) dari taraf yang tinggi hingga rendah.

## **2.8.3 Mahzab syafi'ie<sup>61</sup>**

Penentuan penjaga dikelaskan kepada tiga keadaan iaitu Keadaan pertama, sekiranya semua penjaga yang layak adalah perempuan. Keadaan kedua: sekiranya semua penjaga yang layak adalah lelaki, Keadaan ketiga: sekiranya penjaga yang layak terdiri daripada di kalangan lelaki dan perempuan.

### **1. Keadaan pertama**

Semua penjaga yang layak adalah perempuan iaitu Ibu, Nenek sebelah ibu hingga peringkat atasnya, Saudara perempuan, Emak saudara sebelah ibu, Emak saudara sebelah bapa, Anak perempuan bagi saudara perempuan, Anak perempuan bagi saudara lelaki.

### **2. Keadaan kedua**

Semua penjaga yang layak adalah lelaki

- i. Mahram yang berhak menerima pusaka
  - usul waris iaitu bapa dan datuk hingga peringkat atasnya

---

<sup>60</sup> Ibid, Hal 36

<sup>61</sup> Ibid, Hal 37

- saudara kandung lelaki, saudara lelaki seibu, saudara lelaki sebapa
  - anak lelaki bagi saudara kandung lelaki dan sebapa
- ii. bukan mahram yang berhak menerima pusaka
- sepupu sebelah bapa (jika anak tersebut lelaki)
3. Keadaan ketiga
- Penjaga terdiri daripada lelaki dan perempuan iaitu Ibu, Nenek sebelah ibu hingga peringkat atasnya, Bapa, Nenek sebelah bapa hingga peringkat atasnya, Furu waris.
- #### **2.8.4 Mahzab Hanbali**
- Ibu, Nenek sebelah bapa hingga peringkat atasnya, Nenek sebelah ibu hingga peringkat atasnya, Bapa, Saudara perempuan kandung, Saudara perempuan sebapa, Saudara perempuan seibu, Emak Saudara sebelah ibu, Emak saudara sebelah bapa.
- #### **2.9 KAEADAH MENENTUKAN PENJAGA**

Penyelesaian dalam menentukan hadanah ini berlaku pada zaman rasulullah s.a.w. dan penghakiman kes hadanah berdasarkan keadaan yang berlaku pada zaman baginda s.a.w telah dijadikan panduan dalam menyelesaikan masalah hadanah pada zaman sahabat sehingga pada zaman sekarang.<sup>62</sup> Melalui kaedah penghakiman Rasulullah s.a.w berdasarkan hadis-hadis yang telah diriwayatkan, maka kaedah penghakiman dalam menentukan hak hadanah adalah berpandukan

---

<sup>62</sup> Lihat Seksyen 81 Orang-Orang Yang Berhak Dalam Hak Hadanah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 1987. Ahmad Ibrahim Et Al, 1998, *Undang-Undang Keluarga Dan Pentadbiran Harta Wakaf: Al-Ahkam* Jilid 6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.Hal 55.

sumber as-sunnah dan pandangan ulama. Beberapa kaedah penentuan penjaga yang dapat dikumpulkan iaitu seperti beriku:<sup>63</sup>

- a) Keutamaan kepada ibu yang memenuhi syarat sebagai seorang penjaga. Jika dia tidak atau atau tidak layak, maka penjagaan diberikan kepada orang lain.
- b) Keutamaan diberikan kepada orang yang mempunyai pertalian yang hampir dengan ibu kepada anak yang akan dijaga. Dengan kata lain, keluarga di pihak ibu didahulukan berbanding di pihak ayah. Kaedah ini berdasarkan kpada perasaan belas kasihan dan lemah lembut hati penjaga terhadap anak yang akan dijaga. perasaanini biasanya lahir daripada pertalian kelahiran dan keluarga yang sama.
- c) Keutamaan kepada orang yang mempunyai pertalian dengan kedua-dua belah pihak iaitu dipihak ibu dan bapa. Contohnya saudara kandung berbanding di sebelah pihak sahaja.
- d) Apabila berhimpun penjaga yang layak dalam satu peringkat yang sama, diutamakan orang yang paling warak, kemudian yang paling tua atau orang yang lebih bersifat perihatin dan kasih kepada kanak-kanak.
- e) Pemilihan antara dua orang yang sama layak diselesaikan melalui undian.

## **2.11 TAHAP UMUR KANAK-KANAK.**

Penyelesaian penentuan hak hadanah kepada penjaga adalah berdasarkan tahap kanak-kanak tersebut. Tahap yang dimaksudkan adalah perkembangan umur kanak-kanak tersebut. Secara umum tahap perkembangan kanak-kanak terbahagi kepada tiga tahap iaitu:

---

<sup>63</sup> Muhlishah Bt.'Abdullah Al-Qari, (2005), *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan As-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.Hal Hal 31

1. Kanak-kanak di bawah umur mumayyiz
2. Kanak-kanak mumaiyyiz
3. Kanak-kanak baligh dan matang.

### **2.11.1 Kanak-Kanak Di Bawah Umur Mumayyiz**

Kanak-kanak di bawah umur mumayyiz iaitu lingkungan usia sehari selepas dilahirkan sehingga lahir usianya hampir 7 tahun bagi kanak-kanak lelaki dan 9 tahun bagi kanak-kanak perempuan<sup>64</sup>. Hal ini kerana, usia kanak-kanak ini belum mumayyiz tidak mempunyai sifat *tamyiz*, belum lagi dapat berfikir dengan sempurna untuk membezakan perkara yang baik dan buruk, tidak dapat menjangka kan kesan bagi sesuatu tindakan atau perbuatan, dan belum mempunyai keupayaan memahami.<sup>65</sup>

### **2.11.2. kanak-kanak *mumayyiz***

Kanak-kanak yang *mumayyiz* adalah kanak-kanak yang mempunyai sifat *tamyiz*.<sup>66</sup> Sifat *Tamyiz* yang dimaksudkan menurut pengertian fiqh adalah keupayaan memahami percakapan, mengenali sesuatu, menunaikan keperluan peribadi bersendirian tanpa orang lain dan mampu membezakan di antara kebaikan dan keburukan.<sup>67</sup>

Peringkat *mumayyiz* ini apabila umur seseorang kanak-kanak itu genap 7 tahun, kerana mulai umur tersebut, barulah terdapat sifat *tamyiz*. Justreu itu, menurut fuqaha

---

<sup>64</sup>Anak-anak yang dalam lingkungan usia yang belum mumayyiz, sudah tentu mereka masih lagi memerlukan bantuan penjaga yang boleh melaksanakan hak-hak anak-anak tersebut.Maka ibu yang lebih berhak dalam penjagaan kanak-kanak ini khususnya anak yang dalam lingkungan usia yang masih memerlukan susu ibu. Mulhlishah Bt.'Abdullah Al-Qari, (2005), *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.Hal Hal 31.

<sup>65</sup>Zaleha Kamaruddin Dan Raihanah Abdullah, 2002, *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn.Bhd. Hal 164.

<sup>66</sup>Ibid, Hal 99.

<sup>67</sup>Ibid, Hal 164.

menetapkan bahawa wujudnya sifat tamyiz ialah tujuh tahun, dan ini merupakan pendapat yang paling kuat dan diterima. Pada peringkat kanak-kanak mumayyiz ini, mereka sudah pandai mengurus diri seperti makan minum mandi dan memakai baju dapat dilakukan sendirian. Keupayaan mengurus diri juga dinilai dari sudut kemampuan beristinja' tanpa bantuan orang lain. Ibn al-Rafah berpendapat bahawa kanak-kanak dikira mumayyiz apabila mengetahui sebab-sebab memilih ibu atau bapa sebagai penjaga.<sup>68</sup>

### **2.11.3 Kanak –Kanak Baligh Dan Matang**

Baligh adalah merujuk kepada kriteria seseorang kanak-kanak itu sudah sempurna fizikal dan akal fikirannya yang menandakan dia sudah dewasa.<sup>69</sup> Kanak – kanak yang baligh tidak lagi dijaga oleh ibu atau perempuan yang berhak tidak kira sama ada kanak-kanak itu lelaki atau perempuan. Penjagaan berpindah pula ke tangan bapa. Kanak-kanak lelaki dibesarkan oleh bapa sehingga dia betul-betul matang dan cerdik manakala kanak-kanak perempuan pula dijaga sehinggalah dia berkahwin. Alasannya, anak perempuan remaja perlu pengawasannya yang lebih kerana dia lebih terdedah kepada fitnah. Urusan perkahwinan juga adalah urusan bapa sebenarnya dan banyak perkara tidak dapat dilaksanakan oleh ibu. Hukumnya adalah seperti hukum nafkah iaitu jika dia berkahwin dan diceraikan sebelum disetubuh, hak hadanahnya tidak gugur.<sup>70</sup>

Setelah kanak-kanak tersebut mencapai tahap matang maka, kanak-kanak lelaki boleh tinggal berasingan dengan penjaga. Akan tetapi, berbeza dengan anak perempuan. Menurut Al-Mawardi anak perempuan perlu duduk dengan bapa adalah lebih baik. Kesimpulannya, hak hadanah ini melibatkan semua ahli anggota keluarga iaitu ibu, bapa dan

---

<sup>68</sup> Antara sebab-sebab yang boleh menarik minat mereka di dalam pemilihan agama, kasih sayang dankekayaan. Kanak-kanak perempuan yang mumayyiz hak penjagaan adalah bapa, manakala kanak-kanak lelaki yang mumayyiz akan diberi pilihan sama ada untuk memilih ibu atau bapa.Ibid, Hal 46.

<sup>69</sup> Zaleha Kamaruddin Dan Raihanah Abdullah, 2002, *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn.Bhd. Hal 14.

<sup>70</sup> Mulhlishah Bt.'Abdullah Al-Qari, (2005), *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.Hal 47.

anak dan ahli keluarga yang lain yang menampakkan kesyumulan Islam dalam semua perkara.<sup>71</sup>

## 2.12 TEMPOH PENJAGAAN ANAK

Tempoh penjagaan anak ini tidak didadapati dalam Quraan dan hadith yang menerangkan tentang tempoh penjagaan anak. Akan tetapi, para ulama fiqh mahzab syafi'e telah ijmak, bahawa ibu lebih berhak menjaga anak daripada bapa sehingga anak tersebut berumur 7 tahun. Ini telah dijelaskan oleh Imam Taqyuddin Al-Husaini Al-Syafie, salah seorang ulamak mahzab syafie dikurun yang ke Sembilan hijrah:

وإذا فارق الرجل روجته وله منها ولد فهي أحق بحضانته إلى سبع سنين.

(*كفاية الأئمّة*. ج ٤)

*Maksudnya: “apabila suami menceraikan isterinya dan mempunyai anak hasil daripada perkahwinannya, maka isterinya lebih berhak menjaga anak itu sehingga anak tersebut berumur tujuh tahun.”*

Anak yang berusia sehari selepas dilahirkan sehingga genap usia 7 tahun, Islam memberi keutamaan kepada ibu menjaga anak tersebut, kerana ibu adalah yang paling layak memberi pertolongan yang diperlukan oleh anak tersebut.<sup>72</sup> Selepas usia kanak-kanak tersebut 7 tahun, maka anak tersebut diberikan hak untuk memilih sama ada ibu atau ayah.

---

<sup>71</sup> Ibid, Hal 47.

<sup>72</sup> Said Haji Ibrahim (Bekas Mufti Negeri Sabah), 2001,400 Soal Jawab Nikah Kahwin, Selangor: Darul Ma'rifah.Hal 178.

Walaubagaimanapun, Ulama khalifah Umar, Khalifah Ali, Qadhi Syuraih dan Imam Ahmad berpendapat bahawa hanya anak-anak lelaki yang mumayyiz sahaja diberikan hak untuk memilih penjaga mereka. Manakala kanak-kanak perempuan yang mumayyiz diletakkan di bawah jagaan ayahnya kerana sebab-sebab tertentu. Hal ini kerana, kanak-kanak perempuan berbeza dengan kanak-kanak lelaki.<sup>73</sup>

Apabila kanak-kanak tersebut sudah baligh dan matang. Baligh bermaksud dewasa, mereka sudah mampu berfikir dan membezakan baik dan buruk serta mampu melakukan tanggungjawab yang ibu mereka lakukan seperti membasuh kain, memasak dan sebagainya. Kanak-kanak perempuan ini akan dijaga oleh ayah sehinggalah dia berkahwin<sup>74</sup>, manakala bagi kanak-kanak lelaki pula dijaga sehinggalah matang dan cerdik. Anak lelaki sekiranya sudah matang mereka boleh tinggal berasingan dengan penjaga. Berbeza dengan anak perempuan. Bagi pendapat Al-mawardi berpendapat tinggal bersama ayah adalah lebih baik.<sup>75</sup>

## 2.13 UPAH MENGENDALIKAN HADANAH

Upah yang dimaksudkan adalah ganjaran berbentuk wang untuk diberikan kepada orang yang ditugaskan menjaga anak tersebut sebagai contoh, pembantu rumah yang bekerja menguruskan rumah sekaligus mengasuh anak tersebut. Bagi orang yang mempunyai pertalian darah iaitu kaum kerabat seperti anak perempuannya mengendalikan hadanah si kecil mendapat nafkah maka dia tidak berhak untuk mendapat upah hadanah.<sup>76</sup>

---

<sup>73</sup> Mulhlishah Bt.'Abdullah Al-Qari, (2005), *Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.Hal 46.

<sup>74</sup> Kanak-kanak perempuan sangat memerlukan mahramnya sama ada ayah atau suaminya terutamnya sekiranya dia bermusafir, pergi menunaikan haji dan sebagainya. Selain itu juga, penjaga kepada kanak-kanak perempuan mestilah mahramnya bagi mengelakkan fitnah berlaku. Ibid 46.

<sup>75</sup> Ibid, Hal 46-47.

<sup>76</sup> Mat Saat Abd.Rahman (2011), *Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Selangor: Imtiyaz Multimedia and Publications, Hal 127.

Nafkah adalah berbeza dengan upah. Nafkah adalah kewajiban seorang ayah atau suami kepada orang yang dibawa tangunggannya sebagai contoh, seorang isteri yang mengendalikan urusan anak-anak dan menunaikan tanggungjawab rumahtangganya dengan sempurna, sebagai isteri dia layak untuk mendapat nafkah daripada suaminya. Begitu juga isteri yang baru diceraikan oleh suaminya berhak mendapat nafkah semasa ‘idahnya, maka isteri yang baru diceraikan tidak berhak untuk mendapat upah hadanah. Tetapi jika masa ‘idahnya dan dia tidak lagi mendapat apa-apa nafkah daripada bekas suaminya. Maka pada saat itu dia berhak mendapat upah/bayaran hadanah anaknya kerana dia telah menjalankan satu tugas bagi pihak bapa anaknya ataupun wali anaknya.

Sekiranya orang yang mengendalikan hadanah itu seorang perempuan asing, iaitu bukan ibunya sendiri, maka dia berhak mendapatkan upah kepada pelbagai khidmatnya untuk anak tersebut. Kecuali jika dia rela memberikan khidmatnya dengan percuma maka gugurlah haknya itu. Bayaran hadanah dikira dari permulaan hari dia menjalankan tugasnya. Bayaran ini tidak akan gugur sama sekali kecuali dengan membayarnya atau menghalalkannya sahaja.

Orang yang bertanggungjawab membayar upah hadanah adalah ialah orang yang bertanggungjawab menanggung nafkah kanak-kanak tersebut kerana perbelanjaan hadanah dikira sebagai sebahagian dari nafkah dan ia merupakan suatu perkara wajib ke atas seorang bapa ataupun penjaganya.<sup>77</sup>

---

<sup>77</sup> Ibid, Hal 127-128

## **2.14 TEMPAT HADHANAH**

Seorang suami adalah bertanggungjawab memberikan nafkah terhadap orang yang dibawah tanggungannya seperti anak-anak, isteri, isteri yang dalam iddah dan sebagainya. Tempat tinggal adalah di antara keperluan yang perlu disediakan oleh seorang yang bertanggungjawab seperti ayah kepada anak-anak tersebut.

Oleh itu, sekiranya petugas hadanah tinggal didalam rumah ataupun tinggal bersama-sama suaminya yang mempunyai pertalian kekeluargaan yang hampir dengan anak yang dijaganya maka tidak termasuk akal dia masih berhak menuntut bayaran sewaan tempat hadanahnnya. Tetapi jika keadaannya tidak begitu, seperti suaminya bukan mahram bagi anak tersebut dan pengasuh tersebut tidak mempunyai tempat tinggal sendiri yang khas, dalam keadaan begini dia berhak mendapat bayaran sewaan tempat hadanah daripada ayah anak tersebut.

Oleh itu wajarlah bapanya menyediakan satu tempat tempat khas yang dapat digunakan sebagai tapak hadanah bagi menguruskan hal anak kecilnya.<sup>78</sup>Seorang ayah boleh menyediakan dalam bentuk yang sederhana dan sekadar yang diperlukan.

---

<sup>78</sup> Islam Tidak Menggalakkan Kenikmatan Atau Kemewahan Yang Berlebihan Sehingga Menjadi Satu Penanggungan Yang Tidak Termampu Oleh Seseorang. Ibid, Hal 128.

## **BAB 3**

### **PROSEDUR TUNTUTAN HADANAH DI MAHKAMAH TINGGI DAN PERUNTUKAN HADHANAH MENURUT ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM PAHANG 2005.**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Selepas berlakunya perceraian, sekiranya terdapat pertikaian dalam hal penjagaan anak-anak di antara ibu bapa, maka salah seorang sama ada bekas suami atau bekas isteri akan membuat tuntutan *hadhanah*. Menuntut hak penjagaan anak di Mahkamah adalah untuk mendapatkan keputusan yang adil bagi memihak siapa yang lebih layak untuk mendapat hak penjagaan anak. Penentuan hak penjagaan hadhanah ini telah ditentukan seperti yang telah disyariatkan dalam Islam dan telah dilaksanakan dalam peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Oleh itu dalam bab ini juga menyentuh tentang peruntukan-peruntukan berkaitan hadhanah dalam Islam iaitu Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005. Dalam kajian ini juga pengkaji juga ada mengulas tentang Statistik tuntutan hadhanah di mahkamah tinggi negeri pahang.

Tuntutan hadhanah adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi. Iaitu Seksyen 47 Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah Enakmen petadbiran undang-undang Islam Pahang 1991. Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa di seluruh Negeri Pahang dan hendaklah di ketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah - (b) dalam bidangkuasa *Mal*, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan

dengan yang diantaranya adalah nafkah tanggungan, kesahteraan atau penjagaan kanak-kanak (hadanah).<sup>79</sup>

## **3.2. PROSEDUR TUNTUTAN HADHANAH DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH.**

### **3.2.1 Berlaku Perceraian**

Selepas berlakunya perceraian, bekas suami atau bekas isteri akan mempertikaikan hak penjagaan anak. Oleh itu, pihak yang menuntut boleh pergi ke mahkamah tinggi untuk membuat tuntutan *hadhanah*.

### **3.2.2 Pendaftaran**

Pihak yang menuntut sama ada bekas suami atau bekas isteri perlu pergi ke Mahkamah Tinggi untuk membuat pendaftaran kes. Pihak yang menuntut perlu menyediakan penyataan tuntutan dan mendaftarkan kes di Mahkamah Tinggi tersebut. Menurut Muhammad syazwan bin karim, pegawai penyelidik Pendataran kes tuntutan hadhanah hendaklah disertakan saman, penyata tuntutan, ikatan dokumen iaitu butir-butir anak, sekiranya berkaitan, wang pendaftaran secukupnya, dan wakalah peguam syariah bagi yang menggunakan khidmat peguam syarie. Saman disediakan oleh mahkamah bagi pihak defenden untuk hadir ke mahkamah. Manakala penyataan tuntutan disediakan oleh plaintif sendiri dan perlu dinyatakan dalam perenggan serta menjelaskan maklumat seperti, Nama dan maklumat plaintif samada isteri atau suami, nama dan maklumat defendant samada suami atau isteri, maklumat latar belakang perkahwinan dan perceraian disertakan. Bagi

---

<sup>79</sup> Seksyen 47, Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Islam Negeri Pahang 1991.

fima swasta Pembayaran bagi pendaftaran yang dikenakan untuk dokumen mencecah RM 500, bagi kerajaan pendaftaran dikenakan Rm20 sahaja.

### **3.2.3 Sulh**

Sebelum perbicaraan dalam mahkmah, sulh iaitu sesi perbincangan bersama untuk mendapatkan persetujuan bersama antara ibu dan ayah kepada kanak-kanak tersebut. Sekiranya perbincangan antara pihak-pihak tidak mendapat persetujuan bersama atau masing-masing tidak berpuas hati maka kes tuntutan *hadhanah* ini boleh diteruskan dengan perbicaraan dalam mahkamah di hadapan hakim. Walaubagaimanapun sekiranya sesi perbincangan melalui sulh mendapat persetujuan bersama maka ianya dikira selesai tidak perlu kepada perbicaraan. Sebagai contoh, perbicangan bersama bersetuju hak lawatan dan hak penjagaan pihak-pihak.

### **3.2.4. Perlantikan Guaman**

Plaintif boleh melantik peguam samada peguam tersebut di bawah firma kerajaan atau guaman swasta. Pelantikan seseorang plaintif bagi kesnya adalah mengikut kemampuannya, sekiranya mampu maka boleh melantik guaman dari firma swasta. Setiap pemohon yang ingin mendapat khidmat Jabatan Bantuan Guaman perlu mengemukakan dokumen atau butir yang berikut;

- i. Butir-butir Perkahwinan
  - (a) Surat Nikah Asal/Surat Cerai;
  - (b) Sijil Kelahiran Anak-anak.

ii. Butir-butir Pihak Kena Tuntut

- (a) Nama/alamat/pekerjaan suami/isteri;
- (b) Nama/alamat majikan suami/isteri.

iii. Laporan-laporan berkaitan

- (a) Runding Cara;
- (b) Laporan perubatan;
- (c) Laporan Polis;
- (d) Saksi;
- (e) Penyata gaji suami/isteri;
- (f) Perakuan daripada majikan suami/ isteri;
- (g) Penyata KWSP suami/isteri;
- (h) Bukti berhubung dengan pertukaran alamat;
- (i) Dokumen-dokumen sokongan lain yang berkaitan, jika ada.

**3.2.3. Failkan Kes**

Pihak plaintif iaitu pihak yang menuntut akan melantik peguam untuk failkan saman dan penyataan tuntutan, setelah diterima oleh pendaftar mahkamah. Sekiranya kes tuntutan yang difailkan lengkap seperti yang dikehendaki oleh mahkamah maka kes tersebut dibenarkan untuk dibicarakan. Tuntutan ini biasanya difailkan dengan menggunakan khidmat peguam samada dari firma guaman swasta atau guaman kerajaan. Hal ini kerana sesetengah golongan awam tidak mampu mengendalikannya di mahkamah kelak. Antara

maklumat yang diperlukan dalam penyataan tuntutan yang difailkan adalah, kad pengenalan plaintiff/pengesahan qarinah, Surat akuan perceraian/perintah perceraian, sijil kelahiran anak/mykid, laporan berhubung isu anak jika ada, lain-lain dokumen berkaitan anak.

### **3.2.6 Sebutan kes**

Sebelum sesuatu kes tersebut didengar untuk perbicaraan penuh, kebiasannya kes tersebut dipanggil terlebih dahulu oleh mahkamah untuk mengenalpasti pihak-pihak, kausa sesuatu tuntutan termasuklah tuntutan balas dan sebagainya. Kehadiran awal ini dikenali sebagai sebutan kes. Sebutan satu-satu kes hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari selepas kes difailkan dan tempoh penyelesaian kes adalah 30 hari dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar.<sup>80</sup> Semasa kes sebutan, plaintiff perlu membawa kad pengenalan yang asli ke mahkamah.

### **3.2.7 Perbicaraan Dalam Mahkamah**

Plaintif perlu membawa kad pengenalan yang asli ke mahkamah. Begitu juga semasa perbicaraan berlangsung. Selepas kes disebut dan semua perkara asas disempurnakan, mahkamah biasanya menetapkan satu tarikh untuk perbicaraan penuh. Prosedur hendaklah dipatuhi iaitu:<sup>81</sup> keterangan pihak-pihak iaitu plaintiff, defenden dan saksi yang ada berkaitan tuntutan yang dphon serta bukti yang dikemukakan dalam tuntutan hadhanah.

---

<sup>81</sup> Ibid, 141.

### **3.2.8 Penghakiman Dan Perintah**

Selepas sesuatu kes dibicarakan, Menurut encik syazwan, pegawai penyelidik, mahkamah akan mengeluarkan perintah bertulis bagi penjagaan anak kepada pihak-pihak iaitu defendant dan plaintiff setelah kes tuntutan hadhanah diperdengarkan dan diluluskan. Sebagai contoh, perintah untuk memberi kelulusan penjagaan anak-anak kepada pihak yang layak mengikut budi bicara hakim dan peruntukan yang dirujuk. Selain itu perintah untuk membenarkan lawatan terhadap anak seperti yang dituntut oleh plaintiff dalam pernyataan tuntutan.

#### **3.2.8 i) Alasan Penghakiman**

Hakim mahkamah yang membicarakan tuntutan kes memberikan keputusan berdasarkan alasan hakim mengikut budi bicara hakim yang berdsarkan kepada pihak-pihak yang menuntut dan dituntut dan peruntukan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam serta sumber al-quraan dan hadis.<sup>82</sup>

---

<sup>82</sup> Muhammad Syazwan Bin Karim, 2016. Pegawai Penyelidik Mahkamah Tinggi Syariah, Prosedur Tuntutan Hadhanah Di Mahkamah Tinggi.27 Oktober 2016.

**3.2.9 Rajah 1: Statistik *Hadhanah* Di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan Pahang tahun 2011 dan 2015.**

Tahun perkara	2011	2015
Daftar kes	99	138
Selesai sulu	61	42
Kes Selesai diluluskan	15	43
Kes Selesai ditolak	0	1
Kes dibuang	15	3
Kes ditarik balik	8	10

Sumber: Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan Pahang.

Berdasarkan rajah di atas, jelas menunjukkan bahawa kes tuntutan hadhanah yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan meningkat pada tahun 2015 iaitu sebanyak 138 kes *hadhanah* berbanding pada tahun 2011 jumlah kes *hadhanah* yang didaftarkan hanya 99 kes. Peningkatan adalah sebanyak 39 kes *hadhanah* yang didaftarkan pada tahun 2015.

Setelah penyata tuntutan *hadhanah* di daftarkan, mahkamah akan mengadakan majlis sulu bagi mengadakan perbincangan bersama untuk mendapat keputusan serta persetujuan bersama. Oleh itu, sekiranya majlis sulu di antara pihak-pihak tersebut sepakat dan mempunyai persetujuan bersama hasil daripada perbincangan tersebut maka perbicaraan kes tuntutan *hadhanah* akan diteruskan malah kes akan di anggap selesai. Bagi kes *hadhanah* yang Berjaya diselesaikan melalui majlis sulu pada tahun 2011 adalah 61 kes *hadhanah* dan menurun 42 kes *hadhanah* pada tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak 19 kes *hadhanah*.

Bagi kes tuntutan *hadhanah* diluluskan pada tahun 2011 adalah 15 kes *hadhanah* akan tetapi meningkat bagi tahun 2015 iaitu sebanyak 43 kes tuntutan *hadhanah* iaitu peningkatan adalah sebanyak 28 kes *hadhanah* yang telah selesai diluluskan.

Kes tuntutan *hadhanah* selesai yang ditolak pada tahun 2011 iaitu tidak ada dan pada tahun 2015 ada 1 kes tuntutan *hadhanah* yang selesai ditolak.

Bagi kes tuntutan *hadhanah* yang dibuang adalah sebanyak 15 kes pada tahun 2011, manakala pada tahun 2015 kes tuntutan *hadhanah* adalah 3 kes sahaja, penurunan adalah sebanyak 12 kes tuntutan *hadhanah* dari tahun 2011 keadaan 2015.

Kes tuntutan *hadhanah* yang ditarik balik pada tahun 2011 adalah 8 kes tuntutan *hadhanah* dan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 10 kes *hadhanah* dan meningkat hanya dua kes sahaja pada tahun 2015.<sup>83</sup>

---

<sup>83</sup>Statistik Tuntutan Hadhanah Tahun 2011 Dan 2015, Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan Pahang.

### **3.3 PERUNTUKAN PENJAGAAN KANAK-KANAK DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM PAHANG 2005.**

#### **3.3.1. Seksyen 82 Orang Yang Berhak Menjaga Kanak-Kanak.<sup>84</sup>**

(1) Tertakluk kepada seksyen 83, ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.

(2) jika mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan di bawah hukum syarak dari mempunyai hak terhadap hadhanah atau penjagaan anaknya, maka hak itu, tertakluk kepada subseksyen (3), hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut, iaitu –

- a) Neneh sebelah ibu hingga ke atas;
  - b) Bapa;
  - c) Neneh sebelah bapa hingga ke atas;
  - d) Kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
  - e) Kakak atau adik perempuan seibu;
  - f) Kakak atau adik perempuan sebapa;
  - g) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
  - h) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu;
  - i) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa;
  - j) Emak saudara sebelah ibu;
  - k) Emak saudara sebelah bapa;
  - l) Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai ‘asabah atau residuary;
- Dengan syarat penjagaan orang demikian tidak menjaskan kebajikan kanak-kanak itu.

---

<sup>84</sup> Enakmen undang-undang keluarga Islam pahang 2005.

- (3) Tiada seseorang lelaki berhak terhadap penjagaan seseorang kanak-kanak perempuan melainkan lelaki itu adalah seorang muhrim, iaitu, dia mempunyai pertalian dengan kanak-kanak perempuan itu dalam mana dia dilarang berkahwin dengannya.
- (4) tertakluk kepada seksyen 83 dan 85, jika ada beberapa orang dari keturunan atau peringkat yang sama, kesemuanya sama berkelayakan dan bersetuju menjaga kanak-kanak itu, penjagaan hendaklah diamanahkan kepada orang yang mempunyai sifat-sifat paling mulia yang menunjukkan perasaan paling paling kasih sayang kepada kanak-kanak itu, dan jika kesemuanya sama mempunyai sifat-sifat kemuliaan, maka yang tertua antara mereka adalah berhak mendapat keutamaan.<sup>85</sup>

Merujuk kepada kes Nooranita bt.kamaruddin lwn Faeiz, “fakta utama dalam semua kes-kes hadhanah, menurut hukum syarak ialah hak anak yang dipelihara mesti diutamakan dari hak yang memelihara, oleh kerana pokok dan tujuan hadhanah itu sendiri ialah untuk kebijakan kanak-kanak dan bukanlah untuk kebijakan pihak-pihak yang bertelingkah.”<sup>86</sup>

### **3.3.2. Seksyen 83 Kelayakan yang perlu untuk penjagaan.<sup>87</sup>**

Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah jika-

- (a) Dia adalah seorang Islam;
- (b) Dia adalah sempurna akal;

---

<sup>85</sup> Enakmen undang-undang keluarga Islam pahang 2005.

<sup>86</sup> nooranita bt. Kamaruddin lwn faeiz (jh jld

<sup>87</sup> Enakmen undang-undang keluarga Islam pahang 2005.

- (c) Dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- (d) Dia berkelakuan baik dari segi akhlak islamiah; dan
- (e) Dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.<sup>88</sup>

### **3.3.3 Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang**

Hak seseorang perempuan terhadap hadhanah adalah hilang-

- (a) Jika perempuan itu berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu yang orang itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, jika penjagaannya dalam hal sedemikian akan menjelaskan kebajikan kanak-kanak itu tetapi haknya untuk penjagaan akan kembali semula jika perkahwinan itu dibubarkan;
- (b) Jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;
- (c) Jika perempuan itu menukar pemastautinnya dengan tujuan untuk mencegah bapa kanak-kanak itu dari menjalankan pengawasannya yang perlu ke atas kanak-kanak itu, kecuali bahawa seseorang isteri yang bercerai boleh mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir isteri itu;
- (d) Jika perempuan itu murtad;
- (e) Jika perempuan itu mencuaikan atau menganiaya kanak-kanak itu.

---

<sup>88</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005

### **3.3.4. Seksyen 85. Lamanya Penjagaan<sup>89</sup>**

(1) hak hadinah bagi menjaga seorang kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur Sembilan tahun, jika kanak-kanak itu perempuan, tetapi mahkamah boleh, atas permohonan hadinah, membenarkan dia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak itu mencapai umur Sembilan tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sebelas tahun, jika kanak-kanak itu perempuan.

(2) Setelah tamatnya hak hadinah, penjagaan adalah turun kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mencapai umur kecerdikan (mumayiz), maka kanak-kanak itu adalah berhak memilih untuk tinggal dengan sama ada ibu atau bapanya, melainkan jika mahkamah memerintahkan selainnya.<sup>90</sup>

### **3.3.5. Seksyen 86. Penjagaan Anak-Anak Tak Sah Taraf.<sup>91</sup>**

Penjagaan kanak-kanak tak sahtaraf adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu.

### **3.3.6. Seksyen 87. Kuasa Mahkamah Membuat Perintah Mengenai Penjagaan.<sup>92</sup>**

(1) Walau apa pun peruntukan seksyen 83, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan perintah memilih untuk meletakkan seseorang kanak-kanak dalam jagaan salah seorang daripada orang-orang yang tersebut di dalam seksyen itu atau, jika ada hal keadaan yang luar biasa yang menyebabkan tidak diingini bagi kanak-kanak itu diamanahkan kepada salah seorang daripada orang-orang itu, mahkamah boleh dengan perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang lain atau mana-mana persatuan yang tujuan-tujuannya adalah termasuk kebijakan kanak-kanak.

---

<sup>89</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005

<sup>90</sup> Ibid

<sup>91</sup> Ibid

<sup>92</sup> Ibid

(2) Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah seseorang kanak-kanak patut diletakkan, pertimbangan yang utama ialah kebijakan kanak-kanak itu dan, tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-

- a) Kemahuan-kemahuan ibu bapa kanak-kanak itu, dan
- b) Kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu, jika dia telah meningkat umur dapat menyatakan seseuatu pendapatnya sendiri.

(3) adalah menjadi suatu anggapan yang boleh dipatahkan bahawa adalah untuk kebaikan seseorang kanak-kanak dalam masa dia kecil supaya berada bersama ibunya, tetapi pada memutuskan sama ada anggapan itu dipakai bagi fakta-fakta sesuatu kes tertentu, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada tidak baiknya mengacau kehidupan seseorang kanak-kanak dengan bertukar-tukarnya jagaan.

(4) Jika ada dua orang atau lebih kanak-kanak dari sesuatu perkahwinan, Mahkamah tidaklah terikat meletakkan kedua-dua atau kesemuanya dalam jagaan orang yang sama tetapi hendaklah menimbangkan kebijakan tiap-tiap seorangnya secara berasingan.

(5) Mahkamah boleh, jika perlu, membuat perintah interim untuk mendapatkan kanak-kanak itu dalam penjagaan mana-mana orang atau institute atau persatuan dan perintah itu hendaklah serta merta dikuatkuasakan dan terus dikuatkuasakan sehingga Mahkamah membuat perintah bagi penjagaan itu.

### **3.3.7. Seksyen 88. Perintah Tertakluk Kepada Syarat-Syarat**

(1) sesuatu perintah jagaan boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan oleh Mahkamah patut dikenakan dan, tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada, yang dipakai dari

semasa ke semasa, perintah itu adalah menghakkan orang yang diberi jagaan itu untuk memutuskan semua soal berhubungan dengan pendidikan dan pelajaran kanak-kanak itu.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), sesuatu perintah jagaan boleh-

- a) Mengandungi syarat-syarat tentang tempat di mana kanak-kanak itu akan tinggal dan cara pelajarannya;
- b) Mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu berada bagi sementara dalam pemeliharaan dan kawalan seseorang yang lain daripada orang yang diberi jagaan itu;
- c) Mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu melawat ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu dan bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan pada masa-masa dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah;
- d) Memberi ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan hak untuk berjumpa dengan kanak-kanak itu pada masa-masa dan dengan seberapa kerap yang difikirkan munasabah oleh mahkamah; atau
- e) Melarang orang yang diberi jagaan itu daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Malaysia.<sup>93</sup>

---

<sup>93</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005.

## **BAB 4**

### **HAK ANAK-ANAK DALAM HADHANAH SELEPAS BERLAKUNYA PEMBUBARAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM DAN ENAKMEN UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM PAHANG.**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Islam mengajar umatnya agar menerima kelahiran anak sebagai rahmat Allah dan kurniaan yang menguntungkan. Anak diibaratkan seperti harta kekayaan yang merupakan kebanggaan manusia dan perhiasan hidup mereka.<sup>94</sup> Anak merupakan anugerah serta amanah daripada Allah s.w.t. Ibu bapa, penjaga atau pengasuh memikul amanah yang besar terhadap anak di bawah penjagaan mereka. Anak merupakan amanah dari Allah yang wajib dijaga dan dipelihara dengan baik seperti yang dikehendaki oleh Islam. Cuai melaksanakan tugas ini bererti akan dipertanggungjawabkan oleh Allah nanti.<sup>95</sup> Hak anak-anak perlu ditunaikan sekalipun ibu bapa kanak-kanak tersebut menghadapi masalah besar seperti perceraian dan sebagainya. Anak dalam konteks kajian ini adalah anak sah taraf sama ada dijaga oleh mana-mana pihak iaitu ibu,bapa, atau penjaga yang diamanahkan selepas berlaku pembubaran perkahwinan anatara suami dan isteri maka adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk melaksanakan hak anak-anak sama ada dari segi penjagaan, keperluan seperti nafkah, makanan, penyusuan, pendidikan, hak mendapat harta pusaka dan lain-lain lagi.

---

<sup>94</sup> Lihat Surah Al-Khafi Ayat 18:46.

<sup>95</sup> Lihat Surah Surah At-Tahrir Ayat 66:6

## **4.2 Hak Anak-Anak Dalam Hadhanah Selepas Berlakunya Pembubaran Perkahwinan Dalam Islam.**

### **4.2.1. Hak Untuk Membuat Pilihan**

Selepas berlaku perceraian, anak-anak akan ditentukan siapa yang menjadi penjaga kekal oleh mahkamah sekiranya terdapat pertikaian di antara ibu dan ayah kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak lelaki yang *mumayyiz* akan diberikan hak untuk membuat pilihan samaada memilih ibu atau ayah.<sup>96</sup> Kanak-kanak *mumayyiz* yang dikatakan adalah dalam lingkungan usia tujuh tahun.<sup>97</sup> Pemghakiman ini Seperti mana yang dilakukan pada zaman Rasulullah s.a.w iaitu, sumber daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w bersabda:

عن أبي هريرة: أن النبي صلى الله عليه وسلم خير غلاماً بين أبيه وأمه . وقال:  
يا غلام هذا أبوك أملك إختار.

*Ertinya: "Sumber daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah memberi pilihan kepada seorang kanak-kanak lelaki untuk memilih bapa atau ibunya. Baginda bersabda: 'wahai budak! Ini bapamu dan ini ibumu. Pilihlah.'"<sup>98</sup>*

Namun begitu, ulamak telah berselisih pendapat, adakah peluang pemilihan itu secara mutlak atau terikat dengan kepentingan masa depan kanak-kanak, berdasarkan hadis di atas, ulama

---

<sup>96</sup> Muslishah Bt ‘Abdullah Al-Qari, 2005, Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan As-Sunnah Al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur, Hal 12.

<sup>97</sup> Ibid, Hal 42.

<sup>98</sup> Abu ‘Abdullah Muhammad Bin Yazzid: Ibn Majah (1984), Susunan Ibnu Majah, J.2. Riyad: Percetakan Arab Saudi, H.46. Lihat Juga Salih Bin Abdul Aziz (1999), Op. Cit, H.1392.

mengatakan adalah wajar bagi hakim jangan meluluskan pemilihan kanak-kanak itu kecuali apabila dapat dipastikan adanya kepentingan bagi dirinya. Dengan itu, jika didapati kedudukan seorang ibu lebih terjamin dari kedudukan ayah dan dia amat menyayanginya barulah diluluskan pemilihannya itu. mereka menganggap pemilihan seorang kanak-kanak sebagai sesuatu yang lemah. Sekiranya ayah kanak-kanak tersebut dapat memberikan kawalan dan didikan yang lebih sempurna dan lebih baik dari ibunya maka si bapa lebih utama memelihara anak itu sekalipun dia tidak memilihnya.<sup>99</sup>

#### **4.2.2. Hak Mendapat Lawatan**

Muhammad Syazwan Bin Karim, 2016, Pegawai Penyelidik, Hak lawatan dan bermalam ke atas anak-anak adalah hak ibu atau ayah kanak-kanak tersebut. Sekiranya hak penjagaan anak tersebut berpihak kepada ibu maka ayah berhak melawat dan bermalam bersama anaknya bagi tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah atau mengikut persetujuan mereka bersama, begitulah sebaliknya. Hak ini merupakan hak penting seperti mana dalam hadis yang menyebut;

*Yang bermaksud, “Al-Qati” iaitu orang yang memutuskan tali persaudaraan tidak akan masuk syurga.*

Menurut imam Ahmad yang juga menyokong pemilihan anak lelaki yang mumayyiz bagi hak hadanah. Jika anak tinggal untuk bersama bapa, dia akan menetap bersamanya sepanjang masa. Sedangkan anak lelaki yang memilih ibu dimestikan tinggal bersama ibu pada waktu malam dan bersama bapa pada waktu siang. Alasannya bapa dapat

---

<sup>99</sup>Mat Saat Abd. Rahman, 2006, Undang-Undang Keluarga Islam; Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa, Imtiyaz Multimedia and Publications: Selangor, Hal 123.

memberikan pelajaran seperti mempelajari al-quraan. Imam Syafie juga menyokong kerana membiasakan anak lelaki untuk mempelajari ilmu yang sesuai dengan ketahanan bagi seorang lelaki.

#### **4.2.3 Hak Mendapat Keselamatan**

Islam menjamin keselamatan kanak-kanak samalah seperti Islam menjamin keselamatan orang dewasa. Jaminan keselamatan terhadap manusia adalah tegas dan mereka yang mencabulnya bererti mencabul ketetapan Allah s.w.t dan perundangan-Nya. Seperti mana firman Allah s.w.t;

*“dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab taurat itu, bahawa jika dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak pembalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yanb zalim.”*

(Surah Al-Ma’idah 5:45)

Ayat diatas menegaskan bahawa nyawa, anggota, dan keselamatan setiap orang termasuk anak-anak adalah di jamin keselamatannya.<sup>100</sup> Oleh itu bagi dipertanggungjawabkan dalam penjagaan anak-anak perlu memastikan keselamatan anak terjamin tidak kira dari sudut apa pun termasuklah dari sudut persekitaran tempat tinggal, sekolah dan sebagainya. Bagi menjamin keselamatan anak-anak dalam jagaan khusunya anak-anak yang belum mumayyiz adalah amat penting bagi ibu bapa. Sekalipun ibu bapa kanak-kanak tersebut sudah berpisah

---

<sup>100</sup> Ahmad Ibrahim Et Al, 1998, *Undang-Undang Keluarga Dan Pentadbiran Harta Wakaf*, Dewan Bahasa Dan Pustaka; Kuala Lumpur, Hal 99.

dan sudah tentu mereka tidak dapat meluangkan untuk menjaga keselamatan anak secara bersama. sikap ibu bapa perlu lebih perihatian dan memberikan perhatian sepenuhnya kepada anak-anak mereka.

#### **4.2.3 Hak Kasih Sayang**

Islam amat melarang ibu bapa bersikap keras dan kasar terhadap anak-anak. Mereka hendaklah dilayan dengan penuh rasa kasih sayang dengan sikap lemah lembut percakapan dengan mereka juga dikehendaki dengan bahasa yang halus dan bersopan. Sikap yang keras dan kasar serta bahasa yang tidak sopan mewujudkan dalam diri mereka sifat yang tidak baik. Tindak tanduk ibu bapa adalah contoh pertama yang dilihat oleh anak-anak sebelum mereka keluar bergaul dengan masyarakat luaran.<sup>101</sup>

Rasulullah s.a.w bersabda:

ما من مولود إلا يولد على الفطرة فابواه فا بواه يحودانه أو ينصرانه أو يجسانه.

*Ertinya, Tiap bayi itu dilahirkan di dalam keadaan fitrah maka kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya seorang yahudi, nasrani ataupun majusi...<sup>102</sup>*

*(Riwayat Muslim, 4:2047)*

---

<sup>101</sup> Mat Saat Abd. Rahman, 2006, Undang-Undang Keluarga Islam; Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa, Imtiyaz Multimedia and Publications: Selangor, Hal 115.

<sup>102</sup> Hadis ini jelas menegaskan bahawa kedua ibu bapa bagi seorang kanak-kanak itu adalah orang yang bertanggungjawab mencorakkan hidupnya dengan apa saja bentuk yang disukainya. Lihat Mat Saat Abd. Rahman, 2006, Undang-Undang Keluarga Islam; Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa, Imtiyaz Multimedia and Publications: Selangor, Hal 115.

#### **4.2.4 Hak Pendidikan**

##### **1. Hak Membina Akhlak Melalui Pendidikan Yang Tidak Formal**

Pendidikan tidak formal bermaksud pendidikan di rumah oleh ibu bapa atau penjaga bermula daripada hari pertama kelahiran bayi.<sup>103</sup> Penekanan terhadap corak didikan agama terhadap kanak-kanak dalam kategori yang pertama. Dalam tempoh usia ini, menghiasi anak dengan akhlak yang baik dengan mengikis akhlak buruk. Akhlak yang baik akan melahirkan keperibadian yang baik. Anak mesti ditanjungi.

Mempunyai akidah dan akhlak yang baik maka mereka mesti diperkemaskan dengan ibadah khusus solat. Perintah solat sewaktu usia 7 tahun merupakan proses latihan seterusnya memukul jika enggan solat apabila berusia 10 tahun menggambarkan islam bukanlah agama yang memaksa.<sup>104</sup>

Seperti mana sabda rasulullah s.a.w:

صَرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سَنِينَ وَضَرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سَنِينَ  
وَفَرَقُوا فِي الْمَضَاجِعِ.

\

Ertinya “Suruhlah anak-anak kamu mengerjakan sembahyang ketika mereka berumur tujuh tahun, pukullah mereka (jika mereka enggan) ketika mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah mereka dripada tempat tidur masing-masing.”

(Riwayat Abu Daud 2:162)

---

<sup>103</sup>Pendidikan tidak formal ini banyak membantu kanak-kanak membina imejnya sendiri. Rasulullah s.a.w menekankan soal pendidikan dalam usia kanak-kanak berbanding usia dewasa. Hal ini kerana, kanak-kanak dibahagikan kepada dua iaitu tahap bayi sehingga kanak-kanak itu baligh dan juga ketika usia remajaIbid, Hal 65.

<sup>104</sup> Muslishah Bt ‘Abdullah Al-Qari, 2005, Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan As-Sunnah,Al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur, Hal 64-65

Antara perkara yang dicadangkan menjadi modul atau sukanan pendidikan awal iaitu ilmu-ilmu asas agama iaitu aqidah atau ilmu tauhid, al-quraan dan hadith nabi, akhlak, ibadat dan sirah rasulullah s.a.w. selain itu, tanggungjawab ibu bapa melengkapkan diri anak-anak dengan ilmu kemahiran mengikut kesesuaian jantina. Sebagai contoh anak perempuan diajar menjahit membuat sulaman, memasak dan sebagainya.<sup>105</sup>

## 2. Pendidikan Formal

Pendidikan formal bermaksud pendidikan khusus di sekolah, kolej dan intitusi pengajian tinggi. Hak untuk mendapat pendidikan adalah kewajipan kedua ibu bapa atau penjaga. Pendidikan formal ini termasuk dalam sesuatu keperluan nafkah yang wajib ditunaikan oleh ayah terhadap anak. Pemilihan sekolah juga membantu membentuk anak menjadi anak yang soleh.<sup>106</sup>

### 4.2.4 Hak Untuk Mendapat Nafkah

Nafkah merupakan keperluan asas bagi seseorang insan yang merangkumi makan-minum, pakaian, tempat tinggal yang sempurna dan juga perkhidamatan seperti perubatan, peribadatan, pendidikan dan sebagainya.<sup>107</sup>

---

<sup>105</sup> Ibid, 5rt6 65

<sup>106</sup> Muhlishah Bt. Abdullah Al-Qari, 2005, Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah, Al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur, Hal 68.

<sup>107</sup> Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah, 2002, Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam, Zebra Editions Sdn.Bhd: Kuala Lumpur, Hal 107.

## 1) Orang Yang Wajib Memberi Nafkah

Islam mewajibkan ke atas si bapa memberi nafkah kepada anaknya selama anaknya itu belum mampu bekerja dan mencari rezeki sendiri. Membiaran kanak-kanak tanpa nafkah, jagaan dan pemeliharaan yang baik merupakan satu amalan yang termasuk dalam dosa besar. Sabda Rasulullah s.a.w:<sup>108</sup>

كفى بالمرء إن يضيع من يقوت.

*Ertinya, sudah cukup bagi seseorang itu untuk mendapat dosa dengan hanya membiarkan orang yang dibawah saraannya (tanpa nafkah)*

(Riwayat abu daud, 5:111; Ahmad, 2:160 dan Muslim, 2:692)

Seksyen 73. Kewajiban menanggung nafkah anak merujuk kepada enakmen undang-undang keluarga Islam Pahang 2005:

(1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya. Sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian,makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.<sup>109</sup>

---

<sup>108</sup> Mat Saat Abd. Rahman, 2006, Undang-Undang Keluarga Islam; Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa, Imtiyaz Multimedia and Publications: Selangor, Hal 114.

<sup>109</sup> Enakmen Unfang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005.

## 2) Kadar Nafkah

Kadar nafkah yang diberikan oleh seorang ayah adalah berdasarkan kemampuannya. Firman Allah taala:

لَيْنِفَقْ ذُو سَعْةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قَدْرُ عَلَيْهِ رِزْقٌ، فَلَيْنِفَقْ مَا ءَاتَهُ اللَّهُ لَا يَكْلُفُ اللَّهُ نَفْسًا  
إِلَّا مَا ءَاتَهَا سِيَحْلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرٌ.

*Ertinya: “Hendaklah orang yang mampu memberikan nafkah menurut kemampuannya. Sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah memberi nafkah daripada apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu). Allah tidak memberatkan seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”*

(At-Tolaq: 7)

## 3) Syarat Memberikan Nafkah

Syarat-syarat yang menjadikan *usul wajib* memberikan nafkah kepada *furu'* ialah:

- i. Mereka mempunyai makanan yang melebihi keperluan diri dan isteri untuk tempoh sehari semalam.<sup>110</sup>

Nabi s.a.w bersabda:

ابدأ بنفسك

*Ertinya: “Mulakan dengan dirimu sendiri.”<sup>111</sup>*

---

<sup>110</sup> Jika makanan tidak yang dimiliki hanya cukup digunakan dalam tempoh tersebut untuk dirinya sahaja, atau untuk dirinya dan isterinya, dia tidak dipertanggungjawabkan untuk memberi nafkah kepada *furu'* nya. Lihat Mutofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho,Ali Asy-Syarbaji,2009,Kitab Fikah Mahzab Syafie, Pustaka Salam Sdn Bhd: Kuala Lumpur, Hal 865-866.

<sup>111</sup> Riwayat Muslim, Dalam Kitab Zakat, Bab Memulakan Nafkah Kepada Diri Sendiri..... No.997.

*ii.* *Furu'* hendaklah di kalangan orang-orang fakir. Di samping itu dia hendaklah memiliki salah satu daripada ciri berikut;<sup>112</sup>

- a. Masih kecil (kanak-kanak)
- b. Sakit yang berpanjangan (tidak mampu bekerja)
- c. Gila.

#### **4) Nafkah atau Hak Keperluan**

##### **1. Pemakanan**

Pemakanan bayi setelah lahir ke dalam dunia merupakan bahan-bahan yang halal dan bersih dari segi syarak. Pemakanan akan menjadi darah daging bayi. Oleh itu, menggosok lelangit bayi dengan makanan manis seperti buah kurma dan kismis menjadi sunnah nabi yang mesti diikuti.

Menurut doktor siti hasmah mohd Ali di dalam bukunya menyatakan bahawa orang-orang dikampung tidak menyediakan makanan kepada anak-anak sebagaimana sepatutnya. Menurut beliau makanan dibahagikan kepada empat iaitu:

- 1) Makanan yang memberi tenaga.
- 2) Makanan yang membina.
- 3) Makanan yang mencegah penyakit
- 4) Makanan dan minuman yang menyegarkan badan.

---

<sup>112</sup> Mutofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho,Ali Asy-Syarbaji,2009,Kitab Fikah Mahzab Syafie, Pustaka Salam Sdn Bhd: Kuala Lumpur, Hal 865-866.

### **a. Penyusuan**

Penyusuan dari segi bahasa adalah perbuatan yang menghisap payudara dan meminum susunya. Manakala dari segi istilah syarak perbuatan yang dilakukan untuk mendapatkan susu seorang perempuan atau susu yang masuk ke dalam perut atau mengesani otak seseorang kanak-kanak.<sup>113</sup>

### **I. Tugas Penyusuan hak ibu**

Menurut mahzab syafie yang menyatakan bahawa penyusuan adalah hak ibu, dan dia boleh menyusukan anaknya apabila dia mahu. Oleh itu, ia bukanlah satu kewajipan ke atasnya. Ibu tidak diwajibkan menyusukan anaknya melainkan jika tiada orang lain yang boleh menunaikan tanggungjawab tersebut. Ketika itu wajib menyusukan anaknya kerana keadaan terpaksa.<sup>114</sup>

Menurut mahzab maliki berpendapat jika si ibu mempunyai susu dan dia bukan dari kalangan orang yang senang dan berketurunan yang tidak layak menyusu dan menguruskan hal anak-anak semasa kecil, maka penyusuan anaknya adalah wajib ke atasnya kecuali jika dia sakit atau terputus susunya, maka pada saat itu bapanya adalah bertanggungjawab menjamin kelangsungan dengan mengupah ibu susuan<sup>115</sup> atau membeli susu tepung yang ada di pasaran.

---

<sup>113</sup> Mutofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho,Ali Asy-Syarbaji,2009,Kitab Fikah Mahzab Syafie, Pustaka Salam Sdn Bhd: Kuala Lumpur, Hal 901

<sup>114</sup>Ibid , Hal 902

<sup>115</sup> Lihat Sumber Al-Quraan Surah At-Tolaq: Ayat 6

## **II. Masa Memberi Penyusuan**

Masa penyusuan adalah selama dua tahun yang bermula dari tarikh seorang bayi itu dilahirkan. Selama itu dia berhak mendapat penyusuan dengan sempurna yang pada keseluruhannya menjadi tanggungjawab bapanya, kecuali jika di dalam keadaan-keadaan yang tertentu sahaja.<sup>116</sup>

Firman Allah s.w.t:

وَالْوَلَدُتِ يَرْضَعُنَ أَوْلَادُهُنَ حَوْلِينَ كَامِلَيْنِ لَمْنَ أَرَادَ أَنْ يَتَمَ الرَّضَاعَةُ .

*Ertinya: “Dan ibu-ibu menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, bagi sesiapa yang ingin menyempurnakan penyusuan.*

(Al-Baqarah: 233)

### **2. Tempat tinggal**

Penjaga hendaklah menyediakan tempat tinggal yang sesuai kepada anak di bawah perlindungannya. Tempat tinggal yang sesuai di bawah perlindungannya. Tempat tinggal yang sesuai adalah termasuk juga menyediakan tempat tidur, makan dan bilik rehat yang selesa. Sebagai contoh anak yang masih belajar memerlukan bilik tertutup untuk mengulangkaji pelajaran dan menyusun buku-buku pelajaran.<sup>117</sup>

---

<sup>116</sup> Mutofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho, Ali Asy-Syarbaji, 2009, Kitab Fikah Mahzab Syafie, Pustaka Salam Sdn Bhd: Kuala Lumpur, Hal 901

<sup>117</sup> Mulhlishah Bt Abdullah Al-Qari, 2005, Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan As-Sunnah, Alhidayah Publishers: Kuala Lumpur, Hal 60.

### **3. Pakaian**

Model pakaian berubah setiap masa ke masa. Manakala konsep pakaian menutup aurat hendaklah diambil berat oleh penjaga kepada anak-anak ini. Menyediakan keperluan seperti pakaian adalah tanggungjawab seorang ayah kepada anaknya. Anak-anak tidak boleh dibiarkan dalam keadaan tidak berpakaian, aurat mereka hendaklah ditutup, kulit mereka dilindungi dari hujan, panas, gigitan serangga dan seterusnya hendaklah diberikan pakaian.<sup>118</sup> Pakaian yang menutup aurat bagi anak perempuan adalah seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan manakala lelaki dari pusat hingga ke lutut.<sup>119</sup>

### **4. Rawatan Kesihatan dan kebersihan.**

Anak yang masih bayi memerlukan rawatan dan pemerhatian doktor setiap bulan bagi mengetahui proses pembesaran bayi dalam keadaan normal atau tidak. Perubatan diberikan untuk mencegah penyakit berbahaya seperti yang sedia ada dalam amalan perubatan kini iaitu memberi suntikan imunisasi mengikut tahap umur kanak-kanak. Oleh itu adalah tanggungjawab seorang ibu atau bapa untuk membawa anak ke hospital berjumpha doktor<sup>120</sup>. Selain itu, rawatan bagi anak yang tidak sihat seperti demam juga memerlukan perubatan dan rawatan daripada doktor untuk sembuh<sup>121</sup>. Bagi kos perubatan adalah menjadi tanggungjawab seorang ayah kepada anaknya.

---

<sup>118</sup> Ahmad Ibrahim Et Al 1998, *Al-Ahkam: Undang-Undang Keluarga Dan Pentadbiran Harta Wakaf*, Dewan Bahasa Dan Pustaka:Kuala Lumpur, Hal 105

<sup>119</sup> Jawatankuasa Halaqah Dan Usrah, 2016, *Halaqah Dan Usrah: Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah: Pahang*, Hal 84.

<sup>120</sup> Kos Rawatan Ditanggung Oleh Bapa, Inilah Yang Dimaksudkan Harta Atau Sebahagian Nafkah Yang Diperlukan Oleh Seorang Anak Digunakan Untuk Tujuan Kecemasan. Lihat Muslishah Bt ‘Abdullah Al-Qari, 2005, Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan As-Sunnah, Al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur, Hal 55.

<sup>121</sup> Rasulullah s.a.w mengajar kita supaya segera berubat apabila sakit. Ibu bapa tidak boleh bertangguh atau mengambil sikap “tunggu dan lihat” untuk membawa anak ke hospital. Lihat Muslishah BT ‘Abdullah Al-Qari, 2005, Hak Penjagaan Anak Menurut Al-Quraan Dan as-Sunnah, Al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur, Hal 55.

#### **4.2.5. Hak Memiliki Harta**

Kanak-kanak berhak memiliki harta iaitu tidak kira harta tersebut harta alih atau harta tidak alih walaupun ianya tidak dibenarkan mentadbirkannya kerana belum baligh dan kurang matang. Kanak-kanak berhak menerima harta pusaka, pemberian wasiat, sedekah, zakat, menggunakan wakaf dan lain-lain lagi. Hak penjagaan harta kanak-kanak dalam *hadhanah* adalah diserahkan kepada orang yang berhak,<sup>122</sup>

##### **1) Hak Mendapat Harta perwarisan dan *Faraidh***

Pembagian harta faraid adalah terlaksana apabila ayah kanak-kanak tersebut meninggal dunia. Ilmu Faraid ialah kaedah pembagian untuk mengetahui atau membahagi apa yang telah difardhukan bagi setiap orang yang berhak mendapat harta peninggalan si mati. Sekiranya ayah kepada kanak-kanak tersebut meninggal dunia selepas berlaku perceraian antara ibu dan ayahnya,maka waris akan ditinggalkan harta peninggalan tersebut.<sup>123</sup> Maka dengan itu, harta tersebut akan dibahagikan mengikut apa yang sudah ditetapkan di dalam al-quraan dan as-sunnah.<sup>124</sup> Pembagian harta pusaka antara anak lelaki dan perempuan adalah berbeza.

Namun begitu, pembagian harta pusaka ini mempunyai rukun waris iaitu:

- a) Pewaris, iaitu orang yang meninggal dunia dan ahli warisnya berhak mewarisi harta peninggalannya.

---

<sup>122</sup> Lihat seksyen 88 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005.

<sup>123</sup> harta akan berpindah milik daripada orang yang meninggal dunia kepada ahli warisnya yang masih hidup, sama ada yang ditinggalkan itu berupa wang, tanah atau apa sahaja yang berupa hak milik sah secara *syari'e* Zaleha Kamaeuddin & Raihanah Abdullah,2002, *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*, Zebra Editions.Sdn.Bhd:Kuala Lumpur, Hal 182

<sup>124</sup> Lihat Surah An-Nisa Ayat 7.

- b) Ahli waris iaitu, iaitu mempunyai ikatan kekerabatan (nasab) seperti anak kandung mempunyai hak menguasai dan menerima harta peninggalan pewaris.
- c) Harta warisan, iaitu segala jenis benda atau pemilikan yang ditinggalkan pewaris, baik berupa wang, tanah, dan sebagainya.

Pembahagian harta pusaka anak bagi anak lelaki adalah yang di isitilahkan sebagai *Asabah Binafsih* iaitu anak lelaki tunggal akan mendapat bahagian baki dari keseluruhan harta pusaka pewaris iaitu ayahnya. Manakala *Asabah Ma'al Ghair* iaitu sekiranya pewaris mempunyai ahli waris anak perempuan dan anak lelaki maka waris tersebut akan kongsi iaitu mendapat bahagian 2:1 daripada keseluruhan harta ayahnya. Bagi *Asabah Bighairih* pula, iaitu anak perempuan yang dua orang ke atas akan berkongsi 2/3<sup>125</sup> daripada keseluruhan harta ayah mereka<sup>126</sup>.

## **2) Hak Mendapat Wasiat**

Setelah si mati iaitu ibu atau ayah angkat atau mereka yang tidak mempunyai pertalian dengan si mati maka si perlaksanaan wasiat boleh diberikan kepada anak tersebut. Wasiat daripada perkataan ‘wassa’ bermaksud menasihatkan, menjanjikan, atau pemberian harta selepas kematian.<sup>127</sup> Menurut imam syafie, wasiat adalah hak yang boleh dilaksanakan selepas berlakunya kematian pewasiat<sup>128</sup> sama ada dengan menggunakan lafaz atau tidak. Perlaksanaan Wasiat adalah sah selepas berlaku kematian pewasiat sama ada benda atau manfaat. Wasiat diberikan kepada orang yang bukan *Furu'* waris iaitu selain daripada

<sup>125</sup> Lihat Surah An-Nisa':11

<sup>126</sup> Ahmad Zawawi Abdullah,2010,*Pengurusan Harta Pusaka Dalam Islam Ilmu Faraid*, Pustaka Ilmuwan; Selangor, Hal

<sup>127</sup> Zaleha Kamaeuddin & Raihanah Abdullah,2002, *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam* Zebra Editions.Sdn.Bhd:Kuala Lumpur, Hal185

<sup>128</sup> Lihat surah Al-baqarah ayat 80.

kerabat seperti anak angkat dan lain-lain lagi.<sup>129</sup> Namun begitu, harta yang diwasiatkan oleh pewaris tidak boleh lebih daripada 1/3 daripada keseluruhan harta.<sup>130</sup> Selain itu, wasiat yang hendak diwasiatkan terlaksana sekiranya mendapat persetujuan daripada *Furu'* waris kerana akan mempengaruhi bahagian harta *Furu'* waris.

### **3) Hak mendapat hibah**

Hibah seperti yang disyariatkan oleh Allah s.w.t.<sup>131</sup> Hibah bererti hadiah atau pemberian, manakala dari segi istilah bererti *aqad* pemberian Sejumlah harta secara langsung milik seseorang kepada orang lain di waktu dia hidup, tanpa adanya sebarang syarat dan imbalan.

<sup>132</sup>

### **4) Hak mendapat wali**

Ibu ayah yang berpisah tidak menghalang anak mendapat Wali dalam akad perkahwinan yang dimaksudkan adalah wali ke atas wanita di dalam sesuatu akad perkahwinan. biasanya perkahwinan anak dalam lingkungan usia 9 tahun dalam Islam. Anak yang dalam jagaan ibu atau ayah, sekalipun ibu dan ayah kanak-kanak tersebut berpisah maka itu tidak menjadi penyebab kepada pengguguran hak wali kecuali disebabkan hal-hal yang tidak dapat dielakkan seperti berlaku kematian atau tidak menepati syarat-syarat sebagai wali mujbir maka dibenarkan untuk menggunakan wali hakim. Hak wali yang utama adalah terletak di bawah tanggungjawab seorang ayah kandung anak perempuannya sekiranya ayahnya meninggal atau tidak dapat dikesan keberadaannya atau atas sebab lain maka boleh menggunakan Wali mujbir selain bapa iaitu Datuk.

---

<sup>129</sup>Zaleha Kamaeuddin & Raihanah Abdullah,2002, Zebra Editions.Sdn.Bhd:Kuala Lumpur,Ha186

<sup>130</sup> Ciri-ciri wasiat Islam, Ahmad zawawi Abdullah, 2010, *Pengurusan Harta Pusaka Dalam Islam Ilmu Faraid*, pustaka ilmuwan; Selangor, hal 156.

<sup>131</sup> Lihat Surah Muhammad: 22.

<sup>132</sup> Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah, 2002, *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*, Zebra Editions Sdn. Bhd: Kuala Lumpur, Hal 51.

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.1 PENUTUP**

Secara umumnya, selepas terjadinya perceraian bekas pasangan suami isteri akan menuntut hak penjagaan anak di Mahkamah Tinggi, Tuntutan *hadhanah* berlaku sekiranya ada pertikaian antara bekas pasangan suami isteri. Penghakiman hak penjagaan anak-anak adalah berdasarkan sumber yang telah disyariatkan dalam Islam iaitu melalui sumber al-quraan, hadis dan ijmak serta telah dilaksanakan melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam.

Oleh itu, segala hak kelayakan, syarat, orang yang berhak, susunan menurut orang kelayakan sekiranya hilang kelayakan sudah ditetapkan dan diputuskan mengikut budi bicara hakim dalam sesuatu masalah kes. Sesetengah pertikaian berlaku, kerana anak sering menjadi mangsa dera, hak tidak dipenuhi, atau penjagaan yang kurang memuaskan dan lain-lain lagi yang menjadi sebab tuntutan *hadhanah*. Tujuan tuntutan hadhanah adalah untuk memastikan kehidupan serta hak kanak-kanak terpelihara dan masa depannya terjamin seperti anak-anak yang lain serta anak tersebut tidak jatuh kepada penjaga yang tidak berkelayakan kerana akan memberi kesan kepada kehidupannya kelak.

## **5.2 RUMUSAN TERHADAP KAJIAN**

Secara umumnya, kajian yang dilakukan berkaitan ini adalah menjelaskan tentang *hadhanah* dalam konsep Islam Serta peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam. Penyelesaian kes *hadhanah* ini berdasarkan apa yang ditetapkan dalam Islam dan merupakan jalan penyelesaian yang terbaik bagi semua pihak-pihak dalam *hadhanah*.

Kajian yang dilakukan di mahkamah iaitu tuntutan prosedur *hadhanah*, selepas berlaku perceraian, sekiranya pihak saling tidak berpuas hati dan saling mahu memdapatkan hak penjagaan anak maka, pihak yang menuntut hendaklah pergi ke mahkamah tinggi dengan menyediakan penyataan serta membuat pendaftaran, setelah itu, pihak-pihak akan dipanggil untuk sesi sulu atau perbincangan untuk mendapatkan persetujuan, sekiranya masing-masing setuju maka kes akan selesai. Akan tetapi, sekiranya masih tidak berpuas hati maka plaintif akan melantik peguam dan memfailkan kes tuntutan hadhanah, selepas itu sebutan kes, plaintif dan defendant akan dipanggil dan diberikan tarikh perbicaraan.

Selepas sebutan kes, maka perbicaraan akan dimulakan dengan memanggil semua pihak seperti plaintif, defendant, saksi-saksi yang ada bagi mengemukakan keterangan. Selain keterangan, segala bukti yang ada berkaitan seperti laporan polis berkaitan anak jika ada boleh dikemukakan dan lain-lain lagi. Penghakiman dan perintah hakim dikemukakan oleh hakim dalam bentuk dokumen bertulis. Hakim akan mengemukakan alasan kehakiman berdasarkan budi bicara serta sumber Islam dan juga peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam. Selain itu, hak anak-anak juga dikaji berdasarkan apa yang menjadi keperluan mereka.seperti kebijakan serta keperluan mereka sebagai seorang anak sekalipun mak ayah mereka sudah tidak bersama.

## **5.3 SARANAN DAN CADANGAN**

### **5.3.1 SARANAN KEPADA PENGKAJI AKAN DATANG BERKAITAN HADHANAH.**

Pengkaji akan datang mungkin boleh mengkaji tentang faktor-faktor dan kesan yang lebih jelas berkaitan hak anak-anak yang diabaikan selepas berlakunya perceraian. Hal ini kerana anak-anak merupakan amanah Allah s.w.t. dengan adanya kajian sebegini, kita dapat mengetahui lebih jelas berkaitan kesan-kesan yang berlaku. Anak-anak sering menjadi mangsa keadaan setelah ibu bapa mereka berpisah. Oleh itu, kajian ini dapat memberi pemahaman kepada ibu bapa diluar sana agar tidak memandang remeh terhadap tanggungjawab mereka kepada anak-anak mereka.

Selain itu, saranan saya bagi pengkaji akan datang, mengkaji kajian berkaitan tindakan undang-undang terhadap ibu atau ayah yang membawa lari anak sama ada dalam Negara atau luar Negara tanpa kebenaran penjaga anak samada ibu atau ayah kanak-kanak tersebut. Hal ini kerana kajian seperti ini masih belum dikaji. Oleh itu kita dapat mengetahui tindakan undang-undang di Malaysia terhadap kesalahan membawa lari anak tanpa kebenaran. Membawa lari anak mungkin bukanlah satu jalan penyelesaian untuk mendapatkan hak penjagaan anak. Cara seperti ini adalah salah di sisi undang-undang kerana melibatkan keselamatan anak-anak bahkan mungkin nyawa kanak-kanak tersebut dalam bahaya. Kajian ini dapat memberi pendedahan pengetahuan dan pemahaman serta langkah yang betul sekiranya berlaku keadaan seperti ini.

### **5.2.2 SARANAN KEPADA IBU BAPA**

Ibu bapa atau bekas pasangan suami isteri hendaklah berkerjasama dalam menjalankan tanggungjawab menjaga anak-anak. Kerana sesetengah pasangan bersikap mementingkan diri tanpa memikirkan kepentingan anak-anak mereka, kedua – dua pihak saling tidak berpuas hati menyebabkan anak menjadi mangsa keadaan. Oleh itu, sebagai ibu bapa seharusnya tahu setiap hak-hak anak-anak secara jelas dan menyeluruh. Hal ini kerana sekiranya hak anak-anak terabai maka kehidupan anak-anak akan terjejas sama ada dari sudut keselamatan, kebijakan dan lain-lain lagi.

Ibu bapa tidak seharusnya lebih mementingkan perasaan sendiri kerana akan memberi kesan kepada anak-anak sebagai contoh ibu mendapat penjagaan anak dan tidak memberi peluang kepada ayah terhadap anak untuk berjumpa dan bertindak mengurung anak tidak mempertemukan anak dengan ayahnya disebabkan dendam yang tersimpan atas masalah mereka sebelum ini. hal ini mengakibatkan anak tersebut merindui ayah mereka. Anak-anak akan walaubagaimanapun, hak-hak anak-anak tetap tidak berubah walaupun ibu bapa mereka berpisah dan tidak tinggal bersama. maka dengan itu, ibu dan ayah kanak-kanak perlu menjalankan tanggungjawab mereka seperti biasa dengan membahagikan masa untuk anak-anak mereka walaupun sudah tidak tinggal bersama pasangan kerana perceraian. Ibu bapa perlu mengambil giliran untuk menjaga anak-anak sekiranya pihak yang menjaga bersetuju.

Masalah di antara pasangan bekas suami isteri tidak seharusnya dicampuradukkan dengan urusan anak-anak serta serta menunjukkan pertelingkahan atau sikap yang kurang baik di depan anak-anak hal ini akan menyebabkan anak-anak akan lebih

sedih dan berkemungkinan menjadi murung serta bersikap diluar jangkaan kerana tertekan akibat daripada masalah ibu bapanya. Oleh yang demikian, sebagai ibu bapa yang cemerlang dan bertanggungjawab serta perihatin akan kehidupan anak-anak seharusnya lebih berfikir jauh ke hadapan tentang masa hadapan anak-anak agar tidak terjejas.

## BIBLIOGRAFI

### Al-Quran

Ahmad Bin Hanbal (1972), Musnad Imam, Jilid 9. Mesir: Dar Al-Ma'rif,

Salih Bin 'Abdul 'Aziz (A999), Mausu'ah Al-Hadith Al-Kutub Al-Sittah. Saudi: Dar Al-Salam,

A'abdullah Bin Muhammad Bin Abi Syaibah (1989), Al-Musannaf, Jilid 4. Beirut: Dar Al-Fikr.

Abu 'Abdullah Muhammad Bin Yazzid: Ibn Majah (1984), Susunan Ibnu Majah, J.2. Riyad: Percetakan Arab Saudi, H.46.

### Salih Bin Abdul Aziz (1999)

Dr Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho Dan Ali Asy-Syarbaji, 2002, *Kitab Fikah Mahzab Syafie: Menghuraikan Bab Undang-Undang Kekeluargaan* Jilid 4, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Dr Hj Mat Saat Abd.Rahman 2006, *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Selangor: Imtiyaz Multimedia And Publications.

Ahmad Ibrahim Et Al, 1998, *Al-Ahkam Jilid 6: Undang-Undang Keluarga Dan Pentadbiran Harta Wakaf*, Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Dr Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho Dan Ali Asy-Syarbaji, 2009, *Kitab Fikah Mahzab Syafie: Menghuraikan Bab Undang-Undang Kekeluargaan, Jilid: 4, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.*

Dr Mustafa Al-Khin, Dr Mustafa Al-Bugha Dan Dr Ali Asy-Syarbaji, 2009, *Al-Fiqh Al-Manhaji Mahzab Al-Syafie Jilid: 3, Selangor: Darul Syakir Enterprise.*

Abdullah Bin Abdurrahman Al Bassam, 2007, *Syarah Bulughul Maram*, Jilid: 6, Jakarta Selatan: Pustaka Azam.

Haji Said Bin Haji Ibrahim (Bekas Mufti Negeri Sabah), 2001, *400 Soal Jawab Nikah Kahwin*, Selangor: Darul Ma'rifah.

Muhsin Nasruddin Dasuki, 2015, *100 Wasiat Rasulullah Kepada Wanita*, Selangor: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.

Mohd Nadzri Bin Haji Abdul Rahman Ibrahim, 2013, *Undang-Undang Tatacara Mahkamah Syariah: Prinsip Dan Amalan*, Kuala Lumpur: Anugerah Cekal Sdn. Bhd.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 1987. Ahmad Ibrahim Et Al, 1998, *Undang-Undang Keluarga Dan Pentadbiran Harta Wakaf: Al-Ahkam Jilid 6*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005

Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Islam Pahang 1991

Ahmad Zawawi Abdullah, 2010, *Pengurusan Harta Pusaka Dalam Islam Ilmu Faraid*, pustaka ilmuwan; Selangor,

# LAMPIRAN

**BORANG MS 2**  
**DI NEGERI .....**  
**DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH .....**

**DALAM PERKARA TUNTUTAN HADHANAH**

**KES MAL NO:** -TAHUN 2013

ANTARA

NAMA PLAINTIF (PEMOHON) PLAINTIF

(NO. K/P: .....)

DENGAN

NAMA DEFENDAN (PENENTANG) DEFENDAN

(NO. K/P: .....)

**SAMAN**

Kepada: Nama dan Alamat  
defendan.....

Anda dengan ini di saman supaya hadir sendiri atau melalui Peguam Syarie anda dihadapan Mahkamah Tinggi Syariah

di ..... pada hari ini ..... pada ..... haribulan....., 2013,  
pukul.....pagi/petang untuk menjawab suatu tuntutan terhadap anda oleh pihak Plaintiff yang dinamakan di atas, yang butir-butirnya ada dinyatakan dalam Saman dan Pernyataan Pembelaan yang diendorskan di sini.

ambil perhatian bahawa jika anda ingkar hadir ke Mahkamah pada hari ini dan masa yang telah ditetapkan, Mahkamah boleh terus mendengar dan memutuskan tanpa kehadiran anda. dan ambil perhatian bahawa jika anda ingin membela diri terhadap tuntutan ini, anda hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Responden suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh tersebut.

Bertarikh pada ..... haribulan, 2013.

**(METERAI)**

.....

Hakim/Pendaftar

**DI NEGERI.....**  
**DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH**

**DALAM PERKARA TUNTUTAN HADHANAH**

**KES MAL NO:** ..... **-TAHUN 2013**

ANTARA

NAMA PLAINTIF (PEMOHON)

(NO. K/P: .....)

PLAINTIF

DENGAN

NAMA DEFENDAN (PENENTANG)

(NO. K/P: .....)

DEFENDAN

**PERNYATAAN TUNTUTAN**

1. Plaintiff adalah bekas isteri/suami kepada Defendant dan beralamat di .....
2. Defendant adalah bekas isteri/suami kepada Plaintiff dan beralamat yang diketahui di .....
3. Plaintiff dan Defendant telah berkahwin pada ..... di .....
4. Hasil perkahwinan tersebut mereka dikurniakan ..... Orang anak iaitu:-
  5. i) ..... No. My kid: ..... (.... Tahun)
  - ii) ..... No. Mykid: ..... (.... Tahun)

(Sesalinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran anak-anak tersebut dilampirkan dan ditandakan sebagai Lampiran “A”)

5. Plaintiff telah melafazkan cerai talaq satu kali pertama (1) di luar Mahkamah pada ..... dan perceraian tersebut telah disahkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Daerah ..... pada .....

(Sesalinan Perintah Penceraian bertarikh ..... dilampirkan bersama dan ditandakan sebagai Eksibit “B”)

6. Plaintiff merasakan bahawa Plaintiff lebih layak menjaga anak-anak tersebut kerana kebijikan dan keselamatan anak tersebut tidak akan terjamin sekiranya mereka diletak dibawah jagaan dan pengawasan Defendant. Ini berdasarkan sebab-sebab berikut:-

6.1) Defendant tidak boleh menyediakan tempat tinggal yang sesuai bagi anak-anak tersebut secara sempurna untuk pembesaran anak-anak;

6.2) Defendant seorang yang tidak bekerja tetap.

7. Seterusnya Plaintiff merasakan beliau lebih layak untuk mendapatkan hak jagaan ke atas anak tersebut di mana Plaintiff mampu memberi kasih sayang sepenuhnya terhadap anak, keselamatan serta kebijikan anak tersebut akan lebih terjamin. Ini berdasarkan kepada alasan-alasan tersebut:-

7.1) Plaintiff adalah ibu/bapa kandung kepada anak tersebut dan orang yang paling layak mendapat hak jagaan.

Pemohon juga mampu memberi kasih sayang sepenuhnya terhadap anak-anak tersebut;

7.2) Plaintiff adalah seorang yang beragama Islam sepenuhnya dalam kehidupan sehari-hari seperti melaksanakan ibadat solat, dan berpuasa. Selain itu Plaintiff juga mengambil berat tentang didikan agama terhadap anak tersebut;

7.3) Plaintiff adalah seorang yang berkelakuan baik pada Islam di mana beliau juga tidak akan menganiaya atau memukul anak tersebut melainkan dengan tujuan mengajar atau mendidik.

7.4) Plaintiff mampu menyediakan tempat tinggal yang selesa dan sesuai dengan pertumbuhan emosi dan pembesaran anak-anak tersebut;

8. Berdasarkan keterangan-keterangan di atas maka Plaintiff dengan rendah diri memohon kepada Mahkamah yang mulia ini perintah tersebut seperti berikut:-

a) Hak penjagaan kekal anak bernama ..... (No. K/P: ..... ) diserahkan kepada Plaintiff.

b) Hak lawatan diberikan kepada Defendant pada bila-bila masa yang munasabah.

c) Hak jagaan anak-anak bernama:-

i) ..... No.

Mykid:..... (.... Tahun) ii)

..... No. Mykid:.....

(.... Tahun)

diberikan kepada Defendan sehingga ada perintah-perintah lain.

d) Plaintiff diberi hak lawatan terhadap ..... orang anak tersebut seperti mana berikut:

- a. Plaintiff diberikan hak lawatan, bersama yang adil dan mencukupi, bersesuaian dengan anak-anak tersebut pada bila-bila masa yang munasabah;
- b. Plaintiff diberikan hak untuk bermalam pada setiap minggu pertama dan ketiga setiap bulan iaitu diambil pada petang Jumaat di rumah Defendan dan hantar semula pada petang Ahad sehingga ada perintah-perintah lain;
- c. Plaintiff dibenarkan bersama, bermalam dengan anak-anak tersebut pada setiap pertengahan cuti persekolahan dan berterusan sehingga ada perintah-perintah lain;
- d. Plaintiff dibenarkan berhari raya Aidilfitri tahun..... bersama anak-anak pada hari raya pertama dan kedua manakala Defendan dibenarkan beraya bersama anak-anak pada hari raya kedua dan kelima secara bergilir-gilir setiap tahun sehingga ada perintah-perintah lain;
- e. Manakala pada hari raya Aidiladha tahun....., Plaintiff dibenarkan untuk bersama dengan anak-anak pada hari raya pertama dan kedua. Defendan pula dibenarkan untuk beraya dengan anak-anak pada hari kedua hingga kelima secara bergilir-gilir sehingga ada perintah-perintah lain;
- f. Plaintiff diberi kebebasan untuk mengambil anak-anak tersebut sekiranya berlaku kematian atau kecemasan pada bila-bila masa;
- g. Plaintiff diberi hak untuk bersama atau bermalam pada bila-bila masa mengikut kesesuaian masa Plaintiff;

- e) Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.
- f) Apa-apa perintah atau relief yang difikirkan manfaat oleh Mahkamah yang mulia

Bertarikh pada ..... haribulan , 2016.

.....  
*Peguam Syarie Plaintiff / Plaintiff*

**PERNYATAAN TUNTUTAN** ini telah difaikkan oleh Plaintiff/ Peguam Syarie bagi Plaintiff yang mempunyai alamat

untuk penyampaian di .....

(Ruj. Kami: .....

Tel: ..... Fax: .....